



LAPORAN TAHUNAN 2008





Visi

Untuk menjadi sebuah universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa dan sebagai institusi pengajian tinggi yang menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan.

Misi

Untuk menjana, menyebar dan menerap ilmu secara strategik dan inovatif bagi memperkasakan kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakatnya.



kandungan

ii	Tadbir Urus
	- Canselor
	- Pro-Canselor
iv	Lembaga Pengarah
v	Pegawai Utama Pengurusan
vi	Senat
1	Fakulti dan Program
2	Pengajaran dan Pembelajaran
3	Sumber Manusia
4	Hal Ehwal Pelajar & Alumni
	Laporan Fakulti
14	- Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
16	- Fakulti Kejuruteraan
19	- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
21	- Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
23	- Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
25	- Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
27	- Fakulti Sains Sosial
29	- Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
	Laporan Institut
31	- Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar
33	- Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti
36	- Institut Pengajian Asia Timur
	Laporan Pusat
38	- Pusat Pengajian Siswazah
40	- Pusat Pemajuan Pelajar
44	- Pusat Pengurusan dan Penyelidikan dan Inovasi
48	- Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan
51	- Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia
53	- Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
56	- Pusat Khidmat Maklumat Akademik
58	- Pusat Pengajian Bahasa
60	Anugerah
62	Penerbitan
69	Laporan Kewangan
99	Aktiviti Utama Universiti Sepanjang Tahun 2008
103	Panel Penasihat Kebangsaan
103	Panel Penasihat Antarabangsa



Tadbir Urus



Canselor

**Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi
Abang Haji Muhammad Salahuddin**



Pro-Cancellor

**Yang Amat Berhormat Pehin Sri
Haji Abdul Taib Mahmud**

Lembaga Pengarah

Pengerusi



**YBhg Tan Sri Datuk Amar
Hj Bujang Mohd Nor**

*Pengerusi Eksekutif
Harwood Timber Sdn Bhd*

Ahli



**YBhg Prof Dr Khairuddin
Ab Hamid**

Naib Canselor

Ahli



**YBhg Datuk Haji Morshidi
Abdul Ghani**

*Timbalan Setiausaha
Kerajaan Negeri Sarawak
(Pentadbiran Keselamatan &
Hal Ehwal Korporat)*

Ahli



**YBhg Datu Stephen Wan
Tet Kyung**

*Pengerusi Eksekutif
Genesis Force Sdn Bhd*

Setiausaha



Prof Dr Hamsawi Sani

*Pendaftar
(sehingga 31 Ogos 2008)*

Ahli



YBhg Dato' Sabri Ahmad

*Pengerusi
Malaysian Palm Oil Board
(MPOB)*

Ahli



**YBhg Dato' Mahamed
Hussain**

*Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan
Kementerian Pengajian Tinggi
Malaysia*

Ahli



YBhg Dato' Peter Minos

*Pengerusi Eksekutif
Penrissen Inn*

Ahli



YBhg En Mat Omar Johari

*Pegawai Kewangan
Pejabat Kewangan Persekutuan
Negeri Sarawak*

Setiausaha



Ahmad Bin Katang

*Pemangku Pendaftar
(mulai 1 September 2008)*

Pegawai Utama Pengurusan



YBhg Prof Datuk Dr Abdul Rashid Abdullah (sehingga 31 Mac 2008)

YBhg Prof Dr Khairuddin Ab Hamid (mulai 1 April 2008)

Naib Canselor



Prof Dr Mohd Azib Salleh

*Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
(sehingga 15 September 2008)*



Prof Dr Murtedza Mohamed

*Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
(sehingga 15 Oktober 2008)*



Prof Dr Fatimah binti Abang

*Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
(mulai 16 September 2008)*



Prof Dr Peter Songan

*Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
(mulai 16 Oktober 2008)*



**Prof Madya Mohd Fadzil
Abdul Rahman**

*Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
(mulai 16 September 2008)*



Prof Dr Hamsawi Sani

*Pendaftar
(sehingga 31 Ogos 2008)*



Tuan Haji Mazlan Kiflie

Bendahari



Ahmad Bin Katang

*Pemangku Pendaftar
(mulai 1 September 2008)*



**En Humphrey
Rayang Janang**

Pengarah Pembangunan



Margaret Simeng

Ketua Pustakawan

Senat



**YBhg Prof Dr Khairuddin
Ab Hamid**

Naib Canselor



Prof Dr Fatimah binti Abang

*Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)*



Prof Dr Peter Songan

*Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)*



**Prof Madya Mohd Fadzil
Abdul Rahman**

*Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)*



**Tan Sri Prof Datu Dr
Hj Mohamad Taha Arif**

*Dekan,
Fakulti Perubatan & Sains
Kesihatan*



Prof Dr Shazali Abu Mansor

*Dekan,
Fakulti Ekonomi & Perniagaan*



Prof Dr Hj Shabdin Mohd Long

*Dekan,
Fakulti Sains & Teknologi Sumber*



**Prof Dr Wan Hashim
Wan Ibrahim**

*Dekan,
Fakulti Kejuruteraan*



**Dr Shahren Ahmad Zaidi
Adruce**

*Dekan,
Fakulti Sains Kognitif &
Pembangunan Manusia*



**Prof Madya Dr Spencer
Empading Sanggin**

*Dekan,
Fakulti Sains Sosial*



**Prof Dr Narayanan
Kulathuramaiyer**

*Dekan,
Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat*



Dr Hasnizam Abdul Wahid

*Dekan,
Fakulti Seni Gunaan & Kreatif*



Prof Dr Kopli Bujang

*Dekan,
Pusat Pengajian Siswazah*



**Dr Soubakeavathi
Rethinasamy**

*Dekan,
Pusat Pengajian Bahasa*



Prof Madya Dr Othman Bojo

*Dekan,
Pusat Pemajuan Pelajar*



**Prof Madya Dr Gabriel
Tonga Noweg**

*Dekan,
Pusat Pembelajaran
Gunaan & Multimudia*



Prof Dr Mohd Azib Salleh

*Pengarah,
Pusat Pengurusan Penyelidikan
& Inovasi*



Prof Dr Mary Jane Cardosa

*Pengarah,
Institut Kesihatan & Perubatan
Komuniti*



**Datuk Prof Dr Abdul Rashid
Abdullah**

*Pengarah,
Institut Pengajian Asia Timur*



**Prof Madya Dr Andrew Alex
Tuen**

*Pengarah,
Institut Kepelbagaian Biologi
dan Pemuliharaan Alam Sekitar*



**Ahli Ex-Officio
Prof Dr Hamsawi Sani**

*Pendaftar
(sehingga 31 Ogos 2008)*



Ahli Ex-Officio

Tuan Haji Mazlan Kiflie

Bendahari



Ahli Ex-Officio

Ahmad Bin Katang

*Pemangku Pendaftar
(mulai 1 September 2008)*

Fakulti & Program

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan



- Ekonomi Industri
- Ekonomi Antarabangsa
- Pemasaran
- Kewangan

Fakulti Kejuruteraan



- Kejuruteraan Sivil
- Kejuruteraan Elektronik dan Telekomunikasi
- Kejuruteraan Mekanikal dan Sistem Pembuatan
- Kejuruteraan Elektronik dan Komputer

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia



- Sains Kognitif
- Pembangunan Sumber Manusia

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan



- Perubatan
- Kejururawatan

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat



- Kejuruteraan Perisian
- Pengkomputeran Rangkaian
- Sistem Maklumat
- Pengkomputeran Multimedia
- Sains Komputan

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif



- Sinematografi
- Muzik
- Seni Halus
- Teknologi Seni Reka
- Pengurusan Seni

Fakulti Sains Sosial



- Kajian Antarabangsa
- Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan
- Kajian Khidmat Sosial
- Kajian Komunikasi
- Perancangan dan Pengurusan Pembangunan
- Kajian Politik dan Pemerintahan

Fakulti Sains dan Teknologi Sumber



- Sains dan Pengurusan Sumber Akuatik
- Sains dan Pengurusan Sumber Haiwan
- Sains dan Pengurusan Sumber Tumbuhan
- Kimia Sumber
- Bioteknologi

Pengajaran & Pembelajaran

Pada tahun 2008, UNIMAS menawarkan **34** program prasiswazah melalui lapan Fakulti. Beberapa Fakulti menawarkan program Sarjana melalui kerja kursus di samping program pascasiswazah yang menawarkan ijazah Sarjana dan PhD melalui penyelidikan.

Bagi sesi 2008/2009, seramai **1807** orang pelajar baru prasiswazah mendaftar di UNIMAS. Ini telah meningkatkan jumlah enrolmen pelajar prasiswazah kepada **6425** orang iaitu pertambahan **0.55% (6390)** dari tahun 2007.

Pada tahun 2008, pengambilan pelajar antarabangsa prasiswazah ialah seramai seorang pelajar iaitu daripada **Pakistan** di Fakulti Sains Sosial. Manakala program pertukaran pelajar antarabangsa prasiswazah turut dijalankan iaitu **2** orang pelajar daripada **Australia** di Fakulti Sains Sosial dan **2** orang pelajar daripada **Korea Selatan** masing-masing di Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan. Selain itu, program *Study Abroad* mempunyai seorang pelajar daripada **Amerika Syarikat** di Fakulti Sains Sosial.

Pada Majlis Konvokesyen 2008, seramai **1597** orang graduan menerima ijazah masing-masing. Daripada angka ini, **127** orang graduan menerima ijazah pascasiswazah. Seramai **1470** orang menerima ijazah Sarjana Muda, pada Majlis Konvokesyen ini juga, seramai **6** orang pelajar bagi pengajian Doktor Falsafah dan **119** orang pelajar Sarjana telah bergraduat dengan jayanya. Pada tahun ini juga, untuk kali yang ke-3, UNIMAS menganugerahkan Zamalah Penyelidikan Naib Canselor kepada seramai **5** orang graduan yang cemerlang di peringkat prasiswazah dan sekaligus membolehkan mereka melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di UNIMAS.

Jumlah pelajar prasiswazah yang menerima Ijazah Sarjana Muda mengikut fakulti bagi tahun 2008

<i>Fakulti Ekonomi dan Perniagaan</i>	251
<i>Fakulti Kejuruteraan</i>	99
<i>Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan</i>	82
<i>Fakulti Sains dan Teknologi Sumber</i>	266
<i>Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia</i>	351
<i>Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat</i>	75
<i>Fakulti Sains Sosial</i>	148
<i>Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif</i>	198
JUMLAH	1470



Sumber Manusia

Pembangunan modal insan di UNIMAS terus diberikan keutamaan dengan fokus diberikan kepada urusan kenaikan pangkat dan juga latihan staf. Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak 2389 jawatan telah diluluskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam di mana sebanyak 1805 jawatan telah diisi iaitu 667 adalah jawatan akademik, 128 adalah dari kumpulan Pengurusan dan Professional manakala 1010 adalah dari kumpulan Sokongan. Ini menjadikan pengisian jawatan pada tahun 2008 adalah sebanyak 76% berbanding dengan tahun 2007 iaitu sebanyak 73%. Seramai 59 orang staf akademik dan 292 orang staf bukan akademik telah melapor diri di UNIMAS pada tahun 2008. Ini menjadikan seramai 351 orang staf baru telah melapor diri pada tahun 2008 berbanding dengan 218 pada tahun 2007 iaitu peningkatan sebanyak 38% berbanding dengan tahun 2007.

Dalam urusan kenaikan pangkat pula, seramai 8 orang staf akademik telah dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor, manakala 8 orang lagi dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya. Sejajar dengan pengumuman kerajaan mengenai perubahan polisi dalam kriteria kenaikan pangkat staf akademik, seramai 65 orang pensyarah yang mempunyai PhD dan Sarjana Kepakaran telah telah dinaikkan pangkat ke gred DS/DU 52. Dari kumpulan Pengurusan dan Profesional pula, seramai 15 orang telah dinaikkan pangkat ke gred 44 hingga 52. Manakala seramai 28 orang staf sokongan telah dinaikkan pangkat dari gred 4 hingga 32. Jumlah keseluruhan staf yang dinaikkan pangkat pada tahun 2008 adalah seramai 126 orang iaitu peningkatan sebanyak 34% berbanding tahun lepas yang melibatkan seramai 83 orang staf sahaja.

Pada tahun 2008, seramai 45 orang staf akademik telah diluluskan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD, 7 orang telah diluluskan untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Kepakaran manakala 22 orang untuk pengajian peringkat Sarjana termasuk seorang staf dari kumpulan Pengurusan dan Profesional. Sehingga 31 Disember 2008, seramai 10 orang staf akademik telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat PhD dan 20 orang lagi telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana. Ini menjadikan jumlah pemegang ijazah PhD seramai 168, ijazah Sarjana Kepakaran seramai 54 orang dan seramai 309 orang lagi memiliki ijazah Sarjana di UNIMAS. Seramai 136 orang memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan jawatan Tutor. Ini menjadikan UNIMAS mempunyai 33% tenaga akademik yang berkelayakan PhD atau setaraf.

Urusan latihan dan pembangunan staf turut mendapat peruntukan yang besar pada tahun 2008, di mana sebanyak 148 kursus telah dianjurkan melibatkan pelaburan sebanyak RM 1.2 juta. Sebanyak 48 kursus dalaman telah berjaya dianjurkan melibatkan 1956 peserta manakala sebanyak 100 kursus luar turut disertai oleh staf akademik dan bukan akademik. Ini melibatkan peningkatan dari segi penganjuran sebanyak 52% berbanding dengan tahun 2007. Begitu juga dengan kursus luar melibatkan peningkatan sebanyak 39% berbanding tahun 2007.

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) pada tahun 2008 telah dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya untuk semua gred. Beberapa pembaharuan telah dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada semua calon yang menduduki PTK pada tahun 2008. Program Bimbingan PTK telah diadakan khas untuk semua calon PTK yang akan menduduki Penilaian Tahap Kecekapan bagi Gred 17 – 41. Program tersebut telah diadakan pada 16 hingga 17 Oktober 2008 bertempat di Auditorium PKMA dan diikuti pula dengan Program Bimbingan untuk calon yang menduduki PTK bagi gred 1-16 pada 21 November 2008. Mulai tahun 2008, calon yang menduduki PTK bagi gred 1-16 dinilai berdasarkan kaedah temubual/amali berbanding sebelum ini yang dikendalikan secara peperiksaan bertulis. Melalui kaedah ini calon dinilai berdasarkan tugas hakiki dan menilai staf kefahaman mereka terhadap skop tugas sebenar. Aspek penilaian dari Ketua Jabatan/Penyelia turut diambilkiran untuk skim berkenaan. Selain daripada itu, PTK untuk Gred 44 (TK3) telah berjaya diadakan iaitu pada 28 April hingga 7 Mei 2008 bertempat di Bilik Perbincangan, PKMA Kampus Barat buat pertama kali.

Pada tahun 2008 seramai 2 orang staf telah bersara wajib pada umur 56 tahun, manakala seramai 3 orang telah mendapat kelulusan bersara secara pilihan. Untuk tahun 2008 juga, beberapa arahan kerajaan melalui Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan telah dilaksanakan dengan berkesan. Di antaranya adalah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2008 mengenai Tawaran Opsyen Pelanjutan Umur Persaraan Wajib kepada 58 Tahun dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008 mengenai Kadar Cuti Rehat Tahunan dan Opsyen kepada Pegawai Perkhidmatan Awam. Pelaksanaan semua arahan kerajaan ini telah dilaksanakan oleh BPPSM selaras dengan hasrat universiti untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di UNIMAS.

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

Unit Kegiatan Pelajar Dan Perhubungan Luar

Unit Kegiatan Pelajar dan Perhubungan Luar berfungsi menyelaras, memantau, membimbing dan menyusunatur Kelab dan Persatuan yang berdaftar dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA). Unit Kegiatan Pelajar bertanggungjawab menyelia dan membentangkan semua kertas kerja bagi permohonan pelajar untuk menjalankan aktiviti kelab dan persatuan di bawah kelulusan mesyuarat Jawatankuasa Kegiatan Pelajar di samping menjadi pusat saluran bagi pelajar untuk berhubungan dan berinteraksi melalui penganjuran pelbagai aktiviti dengan IPTA, IPTS, badan-badan berkanun, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta lain-lain pihak yang dapat membantu pelajar aktif dalam menggiatkan aktiviti dalaman dan juga luaran.

Antara objektif yang ditetapkan bertujuan untuk memberi ruang dan pendedahan kepada pelajar bergiat aktif melalui kelab/persatuan bagi

kecenderungan ke arah kepelbagaian aktiviti yang dirancang rapi. Selain itu, melalui kelab dan persatuan diyakini mampu membentuk peribadi pelajar yang kreatif merancang perlaksanaan sesuatu program bermanfaat di dalam dan di luar kampus. Secara tidak langsung budaya kerja berpasukan bersepada akan wujud secara otomatis di kalangan ahli kelab dan persatuan apabila para pelajar melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan sama ada selaku kelompok pengajur maupun sebagai peserta.

Kini kesemua kelab dan persatuan yang berdaftar diserap di bawah Aktiviti Senggang iaitu salah satu cabang daripada Program Kemahiran Insaniah yang dikawalselia oleh (BHEPA). Aktiviti Senggang mewajibkan para pelajar melengkapkan 80 jam pelajaran aktiviti selama 4 semester di sepanjang tahun pengajian mereka. Melalui program ini para pelajar adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memenuhi jam pelajaran aktiviti tersebut memandangkan aktiviti senggang merupakan salah satu syarat untuk bergraduat.



Antara senarai kelab/persatuan yang berdaftar adalah seperti berikut :

LATIHAN DAN KETERAMPILAN DIRI

PALAPES (UDARA)
PALAPES (DARAT)
Kor SUKSIS (Sukarelawan Siswa)
Kelab PERAMAH (Pembimbing Rakan Mahasiswa)
KESISMA (Kelab Keusahawanan Mahasiswa)
DE'ORATOR (Debat Bahasa Melayu)
English Debate Club
Kelab Rukunegara
Kelab Penyayang
Pembimbing Rakan Siswa
Kelab PEMADAM
Kelab Pendidikan Awal
PRIMU (Persatuan Rakan Intelek UNIMAS)



KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

BAYU (Badan Kebudayaan UNIMAS)
Kelab Taekwondo
Kelab Wushu
Persatuan Silat Seni Gayong Malaysia
Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi



SUKAN DAN REKREASI

Kelab XPDC, kelab dekor, kelab hijau, kelab bola keranjang, ragbi, boling, tenis, badminton, bola jaring, sepak takraw, bola tampar, bola baling, ping pong, boling padang, bola sepak, kayak, renang, memanah, karom, catur dan dart (permainan dalaman), skuasy, futsal, rowing dan senamrobik.



AKTIVITI PELAJAR SEPANJANG TAHUN 2008

Bil.	Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat	Peserta
1.	Kategori Debat i. Debat Persahabatan di antara UNIMAS dan UITM ii. Debat Bahasa Melayu di antara Fakulti Piala Naib Canselor	5 April 2008 8 - 12 Ogos 2008	Speaker Corner-BHEPA Kampus Barat UNIMAS	57 orang
2.	Kategori Sukan i. Ekspidisi Jelajah Taman Negara Bako ii. Ekspidisi Gunung Santubong iii. Senamrobik & Larian Merentas Desa UNIMAS 08 iv. Sukan Intra-Fakulti Kolej Perubatan UNIMAS v. KRFC Inter Club Rugby 7's vi. Pertandingan Bola Sepak (Futsal) vii. Hari Keluarga Kelab Ragbi	20 - 22 Mac 2008 15 - 29 Mac 2008 26 Julai 2008 21 - 22 Jun 2008 8 Ogos 2008 11 Okt 2008 25 Okt 2008	Taman Negara Bako Gunung Santubong Padang UNIMAS, Kampus Barat FPSK Song Kheng Hai Rugby Field, Padungan Golden Hawk (Kota Samarahan) Kampung Simpoh, Padawan	40 orang 40 orang 40 orang 40 orang
3.	Kategori Kebudayaan / Seni i. Festival Zapin Johor Inter Kolej ii. Festival Tari di antara Kolej UNIMAS,Piala Pengetua-Pengetua Kolej	23 Februari 2008 23 Julai 2008	Dewan UNIMAS Dewan UNIMAS	114 orang
4.	Kategori Kerohanian i. Hari Perpaduan UNIMAS 08 ii. Seminar Waja Diri 2008 iii. Program Solat Hajat Perdana iv. Majlis Makan Malam dan Penganugerahan JPK Kolej v. Minggu Aluan Pelajar-Pelajar Baru Sesi 08/09 vi. Hari Keluarga Warga Baru Sakura	16 Ogos 2008 22 Mac 2008 18 April 2008 26 April 2008 7 - 13 Julai 2008 04 Julai 2008	Dewan & Sekitar UNIMAS DK1, CTF 1 UNIMAS Masjid UNIMAS Dataran Canselori FPSK Perkarangan Kolej Sakura	300 orang 250 orang 200 orang 154 orang
5.	Kategori Keusahawanan i. Eksplorasi Usahawanan Mahasiswa 2008 ii. Program Ihya Ramadhan 08	25 Nov - 5 Dis 2008 31 Ogos - 30 Sep 2008	Sabah, Brunei Darus Salam Masjid UNIMAS & Surau-Surau Kolej Kediaman	40 orang (KESISMA, JPK) (Kenanga), MPP 07/08

6.	Kategori Kepimpinan			
	i. Program Kecemerlangan Akademik Sekolah-Sekolah Di Negeri Sembilan	8 - 10 Mei 2008	SMK Undang Rembau dan SK Undang Rembau	24 orang
	ii. Majlis Ijazah Asas, Potong & Tamat 08	23 - 24 Ogos 2008	Masjid UNIMAS	40 orang
	iii. Seminar Pengurusan Organisasi	06 - 07 Sep 2008	Pusat Latihan Sarawak, JKIM Telaga Air KCH	29 orang
	iv. Eksplorasi Gunung Santubong	18 Okt 2008	Gunung Santubong	
	v. Kem Internship Pelajar Kaunseling Tahun 4, FSKPM	22 - 25 Nov 2008	Bilik Rekreasi, Kolej Taz	
7.	Kategori Kemasyarakatan	20 - 22 Mac 2008	Taman Negara Bako	40 orang
8.	Lain-lain			
	i. Pertandingan National Competetion In Engineering	23 August 2008	Universiti Malaya	10 orang
	ii. Asian Medical School Physiology Quiz	27 - 8 Julai 2008	Fakulti Perubatan, Kampus Sibu UNIMAS	150 orang
	iii. Pesta Wushu Nanyang Tarian Naga & Singa Antarabangsa Sarawak Malaysia	25 Ogos 2008	Dewan UNIMAS	90 orang
	iv. Program Sesi Kaunseling	12 Okt 2008	Kuching Park Hotel	300 orang
	v. Program Hari Raya di Perantauan –MPP Bersama FPSK Sibu 1429H	11 Okt 2008	Dewan Santapan, Kampus Timur UNIMAS	90 orang
	vi. Majlis Penghargaan & Sambutan Aidilfitri PRS 08	12 Okt 2008	Santubong Resort, Kuching	100 orang
	vii. Annual Dinner KESISMA	19 Okt 2008	Hotel Riverside, Kuching	
	ix. Rumah Terbuka Aidilfitri 08	25 Okt 2008		
	xii. Majlis Penganugerahan Kelab Taekwando 08	25 Okt 2008		
	xiii. Majlis Makan Malam Penghargaan Sekretariat MPP 07/08			

UNIT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

Sepanjang tahun 2008 Unit Kebudayaan dan Kesenian telah banyak menganjur dan menyertai aktiviti kebudayaan dan kesenian di dalam dan di luar kampus.

JANUARI

Tarikh	Aktiviti
09 Januari	Perhimpunan Siswa Merdeka di Universiti Teknologi Malaysia
17 Januari	Pertandingan Lagu Asli di Universiti Sains Islam Malaysia
21 Januari	Persembahan di Bekenu sempena Perhimpunan Pemuda PBB Sarawak

MAC

Tarikh	Aktiviti
27 - 30 Mac	Festival Tari MAKUM 2008 di Universiti Malaysia Sarawak (selaku tuan rumah)

APRIL

Tarikh	Aktiviti
13 April	Persembahan Sempena Perasmian Kelab Rekreasi KESAUMAS di hadapan bangunan Canselor UNIMAS

MEI

Tarikh	Aktiviti
20 - 25 Mei	Menyertai Persembahan Citrawarna di Putrajaya

JUN

Tarikh	Aktiviti
16 & 22 Jun	Persembahan Sempena Majlis Perasmian dan Penutupan Sukan Staf Universiti Malaysia di UNIMAS

JULAI

Tarikh	Aktiviti
28 - 29 Julai	Rakaman Tarian Citrawarna oleh Filem Negara Malaysia di UNIMAS

OGOS

Tarikh	Aktiviti
02 Ogos	Persembahan di Kuching Waterfront sempena Regatta
05 Ogos	Persembahan Sempena Majlis Makan Malam Fakulti Sains Sosial
07 Ogos	Persembahan Sempena Majlis Makan Malam PALAPES di Hotel Hilton, Kuching
08 Ogos	Perasmian Konvokesyen UNIMAS
09 Ogos	Persembahan di Pentas Konvokesyen
10 Ogos	Persembahan Sempena Majlis Makan Malam Anjuran SEBATI di Pustaka Negeri
24 Ogos	Persembahan Sempena Program Tarian Bulanan Anjuran KEKKWA di Pentas Terbuka di Tebingan Kuching Waterfront

SEPTEMBER

Tarikh	Aktiviti
15 Sept	Persembahan Majlis Makan Malam di Sarawak Club Kuching

NOVEMBER

Tarikh	Aktiviti
08 Nov	Menyertai Pertandingan Tarian Peringkat Zon Kuching/Samarahan Anjuran KEKKWA dan KPSU
28 – 29 Nov	Menyertai Pertandingan Tarian Peringkat Negeri Sarawak Anjuran KEKKWA dan KPSU

DISEMBER

Tarikh	Aktiviti
Sepanjang Disember	Menganjurkan Program Tunas BAYU Kali Ke-3 selama sebulan untuk anak-anak staf.
1-4 Disember	Menyertai Pertandingan Nasyid MAKUM di Universiti Teknologi Malaysia
1-4 Disember	Menyertai Pertandingan Festival Zapin MAKUM di Universiti Putra Malaysia.

Sepanjang tahun 2008 juga, ada beberapa kejayaan yang telah diraih oleh Unit Kebudayaan dan Kesenian. Antara kejayaan-kejayaan itu adalah seperti tersenarai di bawah :

1. Pemenang Anugerah Kostum Asli Terbaik bagi Festival Tari MAKUM 2008 yang berlangsung di UNIMAS pada Mac 2008.
2. Naib Johan Festival Tari MAKUM 2008.
3. Johan Festival Tari Malaysia 2008 Peringkat Zon 1 Kuching/Samarahan di Dewan Suarah Samarahan anjuran Kementerian Perpaduan, Kesenian dan Warisan Negeri Sarawak dan Kementerian Pembangunan dan Urbanisasi Negeri Sarawak pada November 2008.
4. Pemenang Anugerah Tarian Kreatif Terbaik Festival Tari Malaysia 2008 Peringkat Negeri Sarawak anjuran Kementerian Perpaduan, Kesenian dan Warisan Negeri Sarawak dan Kementerian Pembangunan dan Urbanisasi Negeri Sarawak pada November 2008.
5. Naib Johan Festival Tari Malaysia Peringkat Negeri Sarawak 2008.
6. Meraih Anugerah Kumpulan Harapan di Festival Zapin MAKUM 2008 di Dewan Banquet, Universiti Putra Malaysia pada Disember 2008
7. Meraih Anugerah Kumpulan Harapan di Festival Nasyid MAKUM 2008 di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia pada Disember 2008



UNIT SUKAN DAN REKREASI

Aktiviti yang telah diadakan dan disertai untuk bulan Januari hingga Disember 2008

Bil	Aktiviti	Tempat	Anjuran	Tarikh	Jumlah Peserta	Dirasmikan oleh	Keputusan
1.	Karnival Sukan Air Antara Jabatan/ Fakulti UNIMAS 2008	Tasik UNIMAS	Unit Sukan	10 Jan 2008	11 pasukan	TNC Akademik & Antarabangsa	Johan: BHEPA/ PPP Naib Johan: BPA Tempat Ke-3: FSKTM/CALM
2.	Klinik Asas Mendaki Tembok Tiruan	Komplek Sukan	Unit Sukan	19 Jan 2008	32 orang	Pegawai Belia & Sukan	-
3.	Kejohanan Sukan Antara Kolej-Kolej Kediaman UNIMAS Sesi 2007/2008 1. Bolasepak 2. Bola Jaring 3. Badminton Campuran 4. Tenis campuran 5. Skuasy (L&W) 6. Tarik Tali (L&W) 7. Ping Pong (L&W) 8. Bola Keranjang (L&W) 9. Bola Tampar (L&W) 10. Sepak Takraw 11. Futsal (L&W)	UNIMAS	Unit Suan & Kolej-Kolej Kediaman	Feb - Mac 2008	Semua Kolej Kediaman	TNC HEP	Johan: Kolej Allamanda Naib Johan: Kolej Bunga Raya Tempat Ke-3: Kolej Cempaka
4.	Sukan Gemilang MASUM 2008 (Olahraga/ Badminton/ Sepak Takraw)	Bukit Jalil Kuala Lumpur	MASUM	14 - 16 Mac 2008	20 orang	Pengerusi MASUM	Olahraga: Emas (10km) Jalan Kaki - Mohd Rosdi Jaafar Perak (3000m) Lari Berhalangan - Bryan Khaerul
5.	Sukan Cemerlang MASUM 2008 (Skuasy/Renang/ Tenpin Bowling)	Universiti Malaya	MASUM		6 orang	Pengerusi MASUM	-
6.	Sukan MASUM Fasa 1 2008 1. Kayak 2. Bola Baling 3. Futsal Wanita 4. Medayung 5. Silat 6. Boling Padang 7. Tenpin Bowling	Universiti Malaya	MASUM	12 - 18 Mei 2008	60 orang	Pengerusi MASUM	Kayak: Emas (1000m) - Muren Lutau Emas (1000m) - Nangku Ngendang / SitiJamilah Perak (1000m) - Ester Pius Perak (1000m) - Rahmah/ Noorazwani Gangsa (500m) - Iba/Abd Azami Medayung: Gangsa (1000m) - Afi Bazilah / Mildred / Dyg / Masparyhan / Khairunissa

7.	Sukan MASUM Fasa 2 2008	Univesiti Malaysia Sabah	MAUM	22 - 28 Mei 2008	40 orang	Pengersui MASUM	Tenis : Perak – Joanes Townsend
8.	Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Ke-33, 2008	Universiti Malaysia Sarawak	UNIMAS	14 - 21 Jun 2008	21 Universiti	Menteri KPT	-
9.	Ekspedisi Berkayak Batang Ai 2008	Batang Ai, Sri Aman	Unit Sukan	4 - 6 Jul 2008	35 orang	-	-
10.	BHR Challenge 2008	Puncak Borneo Kuching	MPP Padawan & Borneo Highland Resort	5 - 6 Julai 2008	20 Pasukan	Pengerusi Padawan	MPP Lelaki: Tempat Ke-4 & Ke-5 Wanita: Tempat Ke-3
11.	Regatta Sarawak	Tebingan Sungai Kuching	Pejabat Residen Kuching & Lembaga Pelancongan Sarawak	1 - 3 Ogos 2008	10 Pasukan	TYT Sarawak	Kayak: Perseorangan Lelaki: Johan & Tmpt Ke-3
							Perseorangan Wanita: Naib Johan
							Bergu Lelaki: Johan
							Bergu Wanita: Naib Johan
							Bergu Campur: Naib Johan & Tempat Ke-3
							Lumba Perahu IPT: Tempat Ke-3
12.	Kejohanan Medayung Jemputan UNITEN 2008	Putrajaya	UNITEN	16 - 18 Ogos 2008	12 Pasukan	NC UNITEN	-
13.	Varsity Boat Race 2008	Putrajaya	KPT & UTM	17 - 19 Okt 2008	16 Pasukan	Menteri KPT	Kayak: Emas (1000m) Bergu Lelaki Emas (1000m) Bergu Wanita Perak (1000m) Bergu Wanita
14.	Sarawak Adventure Race 2008	Daerah Bau, Kuching	KPSU Sarawak	25 Okt 2008	Lelaki -70 Wanita-40	Ahli Parlimen, Mas Gading	Lelaki: Tempat Ke-6,10,12 &14 Wanita: Tempat Ke-8,9,10,11 & 12

15. Kejohanan Tenpin Bowling Antara Jabatan/Fakulti UNIMAS 2008	UNIMAS	Unit Sukan & Kesaumas	13 - 14 Dis 2008	16 Pasukan	Naib Canselor UNIMAS	Johan: Pusat Khidmat Maklumat dan Akademik (PKMA) Naib Johan – Pejabat Bendahari Tempat Ke-3: Fakulti Sains & Teknologi Sumber
---	--------	-----------------------	------------------	------------	----------------------	---



UNIT KESIHATAN PELAJAR (KLINIK UNIMAS)

Klinik UNIMAS menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan kesihatan kepada warga UNIMAS. Sepanjang tahun 2008, sejumlah 9272 orang pelajar, staf dan tanggungan mereka telah mendapatkan rawatan di Klinik UNIMAS. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 114 kes telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak, Klinik Pakar atau Pusat Kesihatan yang berdekatan untuk mendapatkan pemeriksaan lanjut oleh pakar sama ada sebagai kes kecemasan atau kes biasa.

Bermula dari April 2008, Klinik UNIMAS mula melanjutkan operasi di sebelah malam bermula dari jam 0500 petang sehingga 0800 malam khasnya pada sesi pengkuliahuan bermula. Ini bagi memudahkan pelajar mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan serta bagi memantau kes kecemasan yang mungkin berlaku selepas waktu pengkuliahuan.

Kedatangan pelajar dan staf adalah mengikut musim dimana dalam setiap bulan jumlah kedatangan mengalami kenaikan dan penurunan. Kedatangan pelajar jelas dilihat mengalami kenaikan apabila sesi pembelajaran bermula dan akan berkurangan pada cuti semester. Jika dilihat dari sudut jantina, kedatangan pesakit perempuan adalah lebih berbanding pesakit lelaki. Angka tersebut adalah disebabkan jumlah nisbah pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Penyakit yang biasa dirujuk dan mendapat rawatan di Klinik UNIMAS adalah seperti demam, batuk selsema, *gastritis*, *allergic rash/dermatitis*, sakit kepala dan darah tinggi. Kes-kes kronik yang lain adalah seperti kencing manis, *gout*, *hiperkolestolemia* dan *asthma*.

Selain menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan dan perubatan, Klinik UNIMAS juga terlibat dalam mengadakan aktiviti ceramah kesihatan dan kempen kesihatan yang bertujuan memberi kesedaran, pengetahuan serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan dan mencegah jangkitan penyakit. Klinik UNIMAS juga terlibat dalam aktiviti *standby* atau *on-call* khasnya jika terdapat karnival, pesta atau aktiviti UNIMAS yang memerlukan pihak klinik menjalankan tugas walaupun diluar waktu bekerja.

Seperti tahun sebelumnya, Kempen Derma Darah adalah aktiviti pembukaan tahunan yang dianjurkan

oleh pihak Klinik UNIMAS dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Jabatan Patologi, Hospital Umum Sarawak. Kempen tersebut diadakan pada 23 dan 24 Januari 2008. Melalui kempen tersebut, seramai 156 orang warga UNIMAS daripada 242 orang yang hadir didapati sesuai untuk menderma justeru menyumbang kepada Tabung Darah, Unit Tabung Darah Hospital Umum Sarawak. Kempen Derma Darah ini menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada warga UNIMAS.

Selain itu, pihak Klinik UNIMAS dengan kerjasama warga UNIMAS telah menganjurkan kempen gotong-royong bagi menceriakan sekitar Kampus pada 7 Mac 2008. Kempen tersebut dijalankan disekitar kawasan Kampus Timur (*old campus*). Ini adalah salah satu usaha bersama bagi menceriakan kawasan kampus dan menghindari jangkitan penyakit berjangkit.

Pada 27 Mac 2008, pihak Klinik UNIMAS menganjurkan Ceramah Kesihatan Kencing Manis untuk warga UNIMAS. Ceramah tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran dan maklumat berkaitan penyakit kencing manis. Ceramah berkenaan disampaikan oleh Dr Kamarudin Kana dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS. Ceramah yang dianjurkan berjalan dengan lancar serta mendapat sambutan sepenuhnya daripada warga UNIMAS.

Klinik UNIMAS juga menganjurkan kursus khas untuk staf dalaman klinik dan warga UNIMAS dengan kerjasama Unit Latihan BPPSM. Pada bulan April dan Jun, pihak klinik menghantar stafnya dan warga UNIMAS menjalani kursus Pertolongan Cemas dan CPR. Kursus seumpama ini penting dalam memberi pengetahuan dan latihan berkaitan pertolongan cemas dan CPR memandangkan setiap staf di klinik akan berdepan dengan kes-kes kecemasan dan yang berkaitan.

Klinik UNIMAS juga terlibat dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh UNIMAS. Sebilangan kecil staf klinik akan *standby* atau *on-call* dalam aktiviti seperti MAKUM, Sukan Antara Staf, MAP dan Majlis Konvokesyen yang dianjurkan mengikut calendar UNIMAS.

Pada akhir tahun 2008, Klinik UNIMAS telah berpindah ke Bangunan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Kampus Barat dan mula beroperasi sepenuhnya pada 30 Disember 2008 sehingga sekarang.

Fakulti Ekonomi & Perniagaan



Dekan

Prof Dr Shazali Abu Mansor

Timbalan Dekan

(Prasisiswazah & Pemajuan Pelajar)
Salbiah Edman

Timbalan Dekan

(Pascasiswazah & Penyelidikan)
Prof Madya Dr Ernest Cyril De Run

Ketua Jabatan Ekonomi

Prof Madya Dr Ahmad Shuib

Ketua Jabatan Pengurusan Perniagaan

Prof Dr Abu Hassan Md Isa

Penyelaras Program Ekonomi Antarabangsa

Puah Chin Hong

Penyelaras Program Ekonomi Industri

Audrey Liwan

Penyelaras Program Pengurusan Perniagaan

(Pemasaran)

Sharizal Hashim

Penyelaras Program Kewangan

Shaharudin Jakpar

Penolong Pendaftar

Mizan Morshidi

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempunyai misi untuk menawarkan Kesarjanaan Ekonomi, Perniagaan dan Keusahawanan yang menjadi pilihan utama bagi golongan pelajar dan akademik melalui strategi Pengajaran, Pembelajaran, Penyelidikan dan Perundingan yang cemerlang.

Dalam menjayakan misi fakulti, banyak usaha telah dijalankan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan perubahan semasa antaranya membekalkan perisian *E-Views* di makmal fakulti untuk kegunaan pelajar dan staf akademik.

Program yang ditawarkan oleh FEP bagi sesi 2008/2009 dibahagikan kepada dua program iaitu Program Ekonomi dan Program Pengurusan Perniagaan dalam pengkhususan berikut:

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Industri)
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian (Ekonomi Antarabangsa)
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dengan Kepujian (Pemasaran)
- Ijazah Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian- Program baru yang ditawarkan oleh fakulti bermula sesi 2008/2009 dengan jumlah 71 orang pelajar.

FEP turut menawarkan Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Korporat (*Corporate Master in Business Administration - CMBA*). FEP akan menawarkan semula Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Pelancongan) dan program baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (dengan kepujian) pada tahun 2011.

Pada tahun 2008 seramai 855 pelajar yang aktif

bagi sesi 2008/2009. Pada Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-12 seramai 252 graduan yang menamatkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda. Bagi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan Korporat, seramai 51 orang telah bergraduat.

Kerjasama akademik UNIMAS dengan negara luar dan pihak swasta terus giat dijalankan. Antaranya usahasama dalam Program Pertukaran Pelajar dengan *Kangnung National University, Korea*

Beberapa siri bengkel dan persidangan telah dijalankan dengan jayanya pada tahun 2008. FEP telah menjalankan *Training of Trainer Reviews (TOT)* untuk Asas Pembudayaan Keusahawanan. Bengkel Matriks Objektif Kursus lawan Hasil Pembelajaran dan Kemahiran Insaniah telah diadakan pada 5-7 November 2008 di Holiday Inn Kuching. Persidangan *Malaysia Finance Association (MFA)* di Holiday Inn telah diadakan dengan jayanya pada 19-20 Jun 2008. Fakulti juga telah menyertai *International Business Borneo Conference (IBBC)* yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah pada 15-17 Disember 2008.

Bangunan baru FEP di Kampus Barat sedang dalam proses pembinaan. Bangunan baru ini boleh menampung seramai 2000 orang pelajar pada sesuatu masa. Pembinaannya bermula pada Ogos 2008 dan dijangka siap pada April 2010.

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan telah menerbitkan *The Ekobiz* dua kali setahun untuk memaparkan aktiviti dan peristiwa yang berlaku di Fakulti. Fakulti telah menghasilkan 21 artikel, menerbitkan 3 buah buku, 2 edited book, 4 chapters in book dan 36 conference proceeding papers. Selain daripada itu, 8 geran berjumlah RM361,048.35 telah diperolehi bagi membantu dalam menjalankan penyelidikan.



Fakulti Kejuruteraan



Dekan

Dr Azhaili Baharun (*sehingga 14 Januari 2008*)
Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim (*mulai 15 Januari 2008*)

Timbalan Dekan Prasiswa & Pemajuan Pelajar

Dr Mohamad Ibrahim Safawi Mohd Zain (*sehingga 14 Januari 2008*)
Dr Al-Khalid Othman (*mulai 16 Oktober 2008*)

Timbalan Dekan Prasiswa & Penyelidikan

Prof Madya Ir Dr Andrew Ragai Henry Rigit

Ketua Jabatan Kejuruteraan Sivil

Dr Hajah Siti Noor Linda Taib

Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Dr Mohd Shahril Osman (*sehingga 30 Jun 2008*)
Syed Tarmizi Syed Shazali (*mulai 1 Julai 2008*)

Ketua Jabatan Kejuruteraan Kimia

Dr Mohammad Omar Abdullah

Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektronik

Norhuzaimin Julai

Penolong Pendaftar Kanan

Abu Bakar Ibrahim

Pegawai Sistem Maklumat

Ismawati Razali

Selaras dengan visi **Fakulti Kejuruteraan (FK)** "Cemerlang dalam menawarkan program kejuruteraan yang berkualiti melalui sistem pendidikan yang dinamik dan inovatif, menjurus dalam bidang penyelidikan untuk kebaikan negara" dan keperluan Malaysian Qualification Agency (MQA), FK telah sekali lagi menerima lawatan daripada panel *Engineering Accreditation Council (EAC)* untuk penilaian bagi pengiktirafan 4 program yang ditawarkan oleh FK iaitu Program Kejuruteraan Sivil, Program Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan, Program Kejuruteraan Elektronik & Telekomunikasi dan Program Kejuruteraan Elektronik & Komputer pada 18 & 19 Ogos 2008. Selain itu FK juga turut menerima lawatan daripada Panel Audit Peralatan Kejuruteraan, Kementerian Pengajian Tinggi pada 7 Julai 2008.

Tahun 2008 mencatatkan 279 pelajar baru iaitu 116 pelajar untuk Program Kejuruteraan Sivil, 79 pelajar Program Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan, 47 pelajar Program Kejuruteraan Elektronik & Telekomunikasi dan 37 pelajar Program Kejuruteraan Elektronik & Komputer. Pertambahan pelajar baru ini sekaligus menjadikan bilangan pelajar di fakulti seramai 973 orang. Sementara jumlah pelajar bergraduat pada tahun 2008 adalah seramai 99 orang. Manakala bilangan pelajar pasca siswazah adalah seramai 54 orang iaitu 46 pelajar Sarjana dan 8 orang pelajar PhD. Bilangan ini termasuk 18 pelajar pasca siswazah yang melapor pada tahun 2008, iaitu 16 orang pelajar Sarjana dan 2 orang pelajar PhD. Selain itu Program Kejuruteraan Kimia telah mendapat kelulusan dan akan mula menerima pelajar baru pada sesi 2009/2010.

FK turut menyambut kehadiran 7 orang staf akademik baru, sementara seramai 7 orang staf telah melanjutkan pengajian masing-masing ke peringkat PhD dan 2 orang ke peringkat Sarjana. Fakulti turut kehilangan 2 orang ahli akademik iaitu En. A. Rahim Md Amin yang bersara, dan Dr. Mahbub Hassan yang telah tamat kontrak. Jumlah staf akademik fakulti adalah seramai 72 orang, iaitu 65 orang berjawatan tetap dan 7 lagi kontrak. Nisbah pelajar kepada pengajar adalah 14 : 1

FK telah berjaya menganjurkan konferen, "2nd Engineering Conference (ENCON 2008): Sustainable Engineering Infrastructures Development and Management" di Kuching pada 18 & 19 Disember 2008. Konferen ini mendapat penyertaan seramai 191 orang termasuk seramai 13 orang daripada luar negara. Aktiviti akademik lain seperti *IEM Talk*

2008: "Route to Professional Engineer" pada 19 Mac 2008, *Problem Based Learning Talk* pada 23 Mac 2008, Ceramah Perlaksanaan OBE di FK pada 05 Ogos 2008, Bengkel Keselamatan Makmal pada 15 Ogos 2008 dan *Research Methodology Workshop* pada 11 & 12 Disember 2008 turut dilaksanakan.

Seramai 13 orang pensyarah FK telah dinaikkan pangkat iaitu kepada Professor Penuh (3 orang) dan Pensyarah Kanan (10 orang).

Projek penyelidikan baru yang berjaya diperolehi pada tahun 2008 adalah sebanyak 5 projek iaitu 1 projek daripada Dana eScience (MOSTI), 2 projek daripada *Fundamental Research Grant* (MOHE) dan 2 projek daripada Geran Penyelidikan (Lembaga Lada Malaysia) sementara 1 projek perundingan diperolehi daripada Sarawak Energy Berhad.

Tahun 2008 juga menyaksikan FK menerima kunjungan daripada *External Examiner* iaitu lawatan daripada Prof. Dr. Michiko Kuroda untuk Jabatan Kejuruteraan Elektronik, Prof. Keith Case untuk Jabatan Mekanikal dan Pembuatan dan Prof. Dennes T. Bergado untuk Jabatan Kejuruteraan Sivil. Pada 27 Oktober 2008 Jabatan Kejuruteraan Elektronik telah mengadakan suatu mesyuarat bersama Panel Penasihat Industri, sementara Jabatan Kejuruteraan Sivil mengadakan mesyuarat tersebut pada 30 Oktober dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan pada 07 November 2008. Selain itu fakulti turut mengadakan satu siri perbincangan untuk kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan bersama X-FAB Sarawak pada 16 Januari 2008, University of Plymouth pada 03 Mac 2008 dan perbincangan bersama kumpulan penyelidik *Construction on Soft Soils (COSS)* yang diketuai oleh



Prof. Bujang Kim Huat daripada Universiti Putra Malaysia dan Prof. Tam Chat Tim daripada National University of Singapore telah diadakan pada 16-17 Jun 2008. Pada 26 September 2008, FK telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (*MoU*) dalam bidang penyelidikan dan perundingan bersama Sarawak Energy Berhad.

Seorang staf akademik FK Prof. Dr. Ng Chee Khoon merupakan satu-satunya rakyat Malaysia yang dianugerahkan *Matsumae International Foundation (MIF) Research Fellowship* pada tahun 2008 dan telah menjalani *Sabbatical Leave* selama 6 bulan di Saitama University, Jepun.

Kecemerlangan dalam bidang akademik yang dicapai oleh pelajar FK turut diiktiraf apabila En. Terrence Leong Shuh Onn, pelajar tahun akhir daripada Jabatan Kejuruteraan Sivil telah dianugerahkan dengan *IEM Gold Medal Award 2007/2008*, diterimanya pada 19 April 2008 di *49th Annual Dinner of the Institution of Engineers, Malaysia*. Sementara Cik Tan Ai Tang daripada Jabatan Kejuruteraan Sivil telah memenangi *REAM Engineering Student Best Project Award* di *Going Global REAM Gala Dinner* pada 30 Mei 2008. Manakala, Anugerah Kecemerlangan Zecon telah diadakan pada 08 Ogos 2008 yang menyaksikan seramai 7 orang pelajar bergraduat FK yang terbaik telah menerima dalam Majlis yang turut disertai oleh Naib Canselor UNIMAS, Prof. Dr. Khairuddin Ab Hamid. Manakala En. Terence Chan Paul Wang, pelajar Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan telah menerima Anugerah Pro-Canselor sementara Cik Tan Ai Tang, pelajar Kejuruteraan Sivil telah menerima Anugerah Khas Senat pada Konvokesyen 2008.

Selain itu empat orang pelajar tahun 3 daripada Jabatan Kejuruteraan Sivil, Mah Kar Weng, Law Chee Seong, Oh Chin Phang dan Micheal Chai Khim Chuan telah memenangi *Consolation Prize* dalam pertandingan *Floating Tower Competition* pada 11 Jun 2008 di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Sementara sebelum itu, pada 26-30 Mac 2008, seramai 8 pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektronik telah menyertai pertandingan robot antarabangsa (ROBOCON) anjuran *Asia-Pacific Broadcasting Union (ABU)* bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia dan mereka telah berjaya mara sehingga ke pusingan ke-3. Manakala Cik Quay Wei Kwang, pelajar tahun akhir Jabatan Kejuruteraan Sivil telah terpilih untuk mewakili UNIMAS ke Konferen Pelajar di National Cheng Kung University, Taiwan pada 8 - 12 November 2008.

FK dan Shell Malaysia Gas & Power telah bekerjasama untuk menganjurkan Shell Prestige Sarawak 2008 yang diadakan pada 16 - 17 Februari 2008, bertempat di Pusat Latihan Staf UNIMAS, Bau, dan disertai oleh seramai 50 orang pelajar. Kem Program Kecemerlangan Akademik 2008 telah diadakan pada 22-24 Februari 2008 dan disertai seramai 48 orang pelajar, anjuran bersama FK dan Pusat Pemajuan Pelajar, UNIMAS. Pada 02 November 2008, Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan (SAFE) bersama-sama dengan CIDB telah menganjurkan *Introduction Course for CIDB Green Card* dan disertai oleh seramai 36 orang pelajar Kejuruteraan Sivil.



Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan



Dekan

Tan Sri Datu Prof Dr Hj Mohamad Taha Arif

Timbalan Dekan (Prasiswazah & Pemajuan Pelajar)

Prof Madya Dr. Ahmad Hatta Rasit

Timbalan Dekan (Pascasiswazah & Penyelidikan)

Prof Dr Mohd Syafiq Abdullah

Jabatan Sains Paraklinikal

Dominic Dado Sagin

Jabatan Sains Asas Perubatan

Dr Muna Sabri

Jabatan Ortopedik

Dr Chan Wai Hong

Jabatan Pediatrik

Dr Mohd Ameenudeen B. A Sultan Abd Kadir

Jabatan Obstetrik dan Ginekologi

Prof Madya Dr Awil Idi

Jabatan Perubatan Komuniti dan Kesihatan Awam

Prof Madya Dr Kamaluddin Bakar

Jabatan Kejururawatan

Jane Buncuan

Jabatan Oftalmologi

Prof Dr Chua Chung Nen

Jabatan Perubatan Psikologi

Prof Dr Mohd Fadzillah Abd Razak

Jabatan Perubatan Keluarga

Dr Lee Ping Yein

Jabatan Radiologi

Dr Wong Siong Lung

Ketua Penolong Pendaftar

Henry Tening Sengeng

Objektif utama pendidikan perubatan UNIMAS ialah untuk melahirkan doktor perubatan dan jururawat yang berkemahiran tinggi dengan nilai-nilai peribadi murni yang diterima oleh masyarakat melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan seperti *Problem-Based Learning* (PBL).

Selaras dengan objektif pendidikan perubatan dan keperluan *Malaysian Qualification Agency* (MQA), *bench-marking* program perubatan dan penyemakan kurikulum bagi program perubatan berjaya dilaksanakan pada tahun 2008. Penyemakan dan *bench-marking* ini dibuat untuk memastikan pendidikan perubatan UNIMAS relevan dan berdaya saing di peringkat global. Selain itu, satu kajian mengenai standard pencapaian graduan perubatan UNIMAS semasa internship akan dibuat sebagai pengukur kepada kurikulum yang sedia ada. Program kejururawatan juga telah membuat penyemakan kurikulum pada tahun yang sama.

Selain daripada itu, fokus utama Fakulti pada tahun 2008 ialah membangunkan infrastruktur baru seperti *Clinical Research Centre* (CRC), Klinik Sebayor, kemudahan asrama baru dan perolehan peralatan pengajaran yang sopistikated. Prasarana ini akan menjadikan sesi pengajaran klinikal, penyelidikan klinikal, khidmat klinikal dan khidmat masyarakat lebih efektif. Fakulti membelanjakan sebanyak RM2.55 juta berbanding RM1.84 juta pada tahun sebelumnya untuk perolehan aset pengajaran dan pembelajaran.

Kemudahan Asrama Sebayor telah dibuka mulai bulan Julai 2008, menempatkan 64 orang pelajar (32 untuk pelajar perempuan dan 32 untuk pelajar lelaki), menjadikan jumlah keseluruhan katil asrama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan sebanyak 264. Asrama baru berkonsepkan apartmen yang lengkap dengan ruang tamu, dapur, bilik air, *built-in* kabinet dan kemudahan internet wi-fi. Di samping itu, fasiliti asrama di Sibu (SILF) juga diperbaiki untuk keselesaan pelajar.

Tahun 2008 mencatat 84 orang pelajar baru bagi program perubatan dan 29 orang pelajar kejururawatan, menjadikan jumlah keseluruhan

pelajar perubatan seramai 387 orang, manakala pelajar kejururawatan seramai 128 orang. Jumlah staf akademik pula adalah seramai 140 orang, di mana 94 berjawatan tetap, 40 kontrak dan 6 orang sementara. Nisbah di antara pensyarah dan pelajar untuk program perubatan ialah kurang daripada 1:4. Jumlah pelajar bergraduat bagi tahun 2008 adalah seramai 66 orang bagi program perubatan dan 16 orang bagi pelajar kejururawatan.

Fakulti berjaya menganjurkan konferen antarabangsa “*1st Biennial International Evidence-Based Nursing Conference*” bersama University of South Australia (UniSA) di Kuching pada 25-28 Jun 2008. Konferen ini mendapat penyertaan seramai 268 orang dari 19 buah negara, menyampaikan 50 kertas kerja dan 40 poster. Aktiviti akademik lain seperti konferen, *Interdisciplinary Activity* (IDA), *Clinico-Pathological Conference* (CPC)/ *Continuing Professional Development* (CPD), seminar penyelidikan dan bengkel adalah aktiviti berterusan di Fakulti. Di samping itu Fakulti turut aktif dalam projek khidmat masyarakat seperti program Citra Sihat, *Fight Against Diabetes Project*, *Walk a Mile Project* dan Program Intervensi Kesihatan Komuniti.

Tan Sri Datu Prof Dr Haji Mohamad Taha Arif, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan telah menerima anugerah *Public Health Recognition* dari *Asia-Pacific Academic Consortium for Public Health* (APACPH) atas sumbangan beliau dalam bidang kesihatan awam. Di samping itu, 15 orang pensyarah dari Fakulti telah dinaikkan pangkat ke Profesor Madya (5 orang) dan Pensyarah Kanan (12 orang). Bagi staf sokongan, 3 orang jururawat telah dinaikkan pangkat ke U41.

Tiga projek penyelidikan baru berjaya diperolehi melalui Dana Geran Inovasi untuk tahun 2008.



Fakulti Seni Gunaan & Kreatif



Dekan

Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman (*sehingga 15 September 2008*)

Dr Hasnizam Abdul Wahid (*mulai 16 September 2008*)

Timbalan Dekan (Prasiswaazah & Pemajuan Pelajar)

Dr Hasnizam Abdul Wahid (*sehingga 15 September 2008*)

Haji Zulkalnain Zainal Abidin (*mulai 16 September 2008*)

Timbalan Dekan (Pascasiswaazah & Penyelidikan)

Prof Madya Dr Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman

Ketua Jabatan Seni Visual

Haji Zulkalnain Zainal Abidin (*sehingga 15 September 2008*)

Anuar Ayob (*mulai 16 September 2008*)

Ketua Jabatan Seni Persembahan dan Teknologi Produksi

Abdul Riezal Dim (*sehingga 14 Disember 2008*)

Nur Afifah Vanitha Abdullah (*mulai 15 Disember 2008*)

Ketua Jabatan Teknologi Seni Reka

Musdi Hj Shanat (*sehingga 4 Disember 2007*)

Dr June Ngo Siok Kheng (*memangku jawatan berkenaan mulai 5 Disember 2007 sehingga sekarang*)

Ketua Jabatan Seni Liberal

Qistina Donna Lee Abdullah (*sehingga 14 Disember 2008*)

Shaik Azahar Shaik Hussain (*mulai 15 Disember 2008*)

Penolong Pendaftar

Asri Ali

Secara keseluruhan, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif mempunyai staf berjumlah 81 orang. Dari jumlah berkenaan, 52 orang merupakan staf akademik, seorang kumpulan pengurusan dan profesional manakala 28 orang staf kumpulan sokongan. Seramai 8 orang staf akademik sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dan 2 orang di peringkat Sarjana pada tahun 2008 dan 2 orang staf akademik telah kembali dari cuti belajar, seorang di peringkat Sarjana dan seorang lagi di peringkat Doktor Falsafah. Dr Hasnizam Abdul Wahid telah dilantik sebagai Dekan baru menggantikan Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman yang telah dilantik menjadi TNC (HEP&A) pada 16/9/2008.

Selain aktiviti pengajaran dan pembelajaran umum, Fakulti juga telah mengadakan pelbagai aktiviti dengan kerjasama para pelajar. Antara aktiviti utama yang telah dianjurkan ialah *2nd International Conference on Applied and Creative Arts* (ICACA 2008) pada 16-17 Januari 2008, Pameran Cetusan Inspirasi Pelajar Tahun Akhir (CIPTA 2008) pada 11-18 April 2008 dan Minggu Seni Budaya dan Warisan pada 27-29 Ogos 2008.

Dari segi usaha penyelidikan pula, terdapat empat penyelidikan yang telah diluluskan dalam tahun 2008. Dua daripadanya di bawah biayaan Dana Khas Inovasi iaitu penyelidikan bersama Dr June Ngo Siok Kheng dengan Prof Dr Kopli Bujang dan Dr Kamarul'Ain Mustafa (*Development of Soluble Powdered Natural Dyes for Textile Dyeing and Printing*) dan penyelidikan bersama Ahmad Azaini Abdul Manaf dengan Louis Ringah Kanyan (*Establishing of Iban Folktales, Myth and Legends through Narrative Animation*). Manakala dua penyelidikan pula berstatus *non funded grant* iaitu penyelidikan Dr June Ngo Sik Kheng, *Issues and Challenges Faced By the Songket Weaving Industry in Malaysia* dan penyelidikan Dr Nazlina Shaari bertajuk Pewarna Asli dari Sumber Alam.

Hasil dari usaha dan penyelidikan semasa, FSGK telah berjaya meraih beberapa kejayaan cemerlang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Para pensyarah FSGK yang terdiri daripada Prof Madya Dr Hj. Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman dan Dr Nazlina Shaari telah berjaya meraih pingat perak di *BIO Innovation Awards 2008* bertempat di KLCC pada 7 Oktober 2008 dengan produk bertajuk *BIOPASTE: Natural Formula For Batik Print*. Pensyarah Jabatan Teknologi Seni Reka, Norhayati Suleiman pula telah tersenarai sebagai peserta akhir dalam Anugerah Inovasi Negara 2008 bertempat di PWTC Kuala Lumpur pada 6-8 November 2008 dengan produk bertajuk *Flexi Jacket Practical Jacket for Recreational Activities*. Kumpulan staf akademik yang terdiri daripada Prof Madya Dr Hj. Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman, Musdi Hj Shanat dan Maizatul Nurhuda Saadon telah memenangi pingat emas bagi produk ciptaan mereka yang bertajuk *Mobile Emergency Aid Kits for Paramedic and Rescue Team* di *International Invention Fair of The Middle East (IIFME)* pada 9-12 November 2008 bertempat di Kuwait City, Kuwait. Selain itu, Prof Madya Dr Hj Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman juga telah memenangi pingat emas bagi produk yang bertajuk *Compact Rescue Stretcher* di tempat yang sama. Seterusnya Dr Nazlina Shaari dan Norhayati Suleiman telah berjaya memperolehi pingat perak di *Pin Up Design Award* anjuran *Korean Association of Industrial Designers* di Korea pada 15 November 2008. Akhir sekali kumpulan pensyarah FSGK yang terdiri daripada Dr Nazlina Shaari, Norhayati Suleiman dan Siti Rohaya Yahya telah mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Piala Seri Endon 2008-kategori kraftangan.

Dari segi enrolmen pelajar prasiswazah, peningkatan sebanyak 15.8% dicatat dengan jumlah keseluruhan pelajar seramai 901 orang. Manakala jumlah keseluruhan pelajar siswazah pula ialah 22 orang, seorang pelajar peringkat Doktor Falsafah dan 21 orang pelajar peringkat sarjana. Kemasukan pelajar prasiswazah bagi sesi 2008/2009 mencatat jumlah 430 orang manakala 6 orang pelajar siswazah telah mendaftar dalam tahun 2008. Jumlah pelajar prasiswazah yang bergraduat pada tahun 2008 pula berjumlah 280 orang dan hanya seorang pelajar Sarjana yang telah bergraduat pada tahun 2008. Sebanyak 152 kursus ditawarkan pada semester 1 dan 2 sesi 2008/2009. Daripada jumlah berkenaan, 69 kursus ditawarkan pada semester 1 manakala 83 kursus ditawarkan pada semester 2.



Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia



Dekan

Dr Shahren Ahmad Zaidi Adruce

Timbalan Dekan (Prasiswa & Pemajuan Pelajar)

Dr Rusli Ahmad

Timbalan Dekan (Pascasiswa & Penyelidikan)

Prof Madya Dr Teh Chee Siong

Ketua Jabatan Sains Kognitif

Kartini Abdul Ghani (*sehingga 31 Julai 2008*)

Dr Norazila Abdul Aziz (*mulai 1 Ogos 2008*)

Ketua Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

Dr Azman Ismail

Penolong Pendaftar

Sharosliza Azman

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) telah wujud hampir lima belas tahun. Fakulti ini menawarkan empat program prasiswazah iaitu program Sains Kognitif, Pembangunan Sumber Manusia, Kaunseling dan Pendidikan pada tahun 2008. Pengajian dalam bidang Sains Kognitif dan Pembangunan Sumber Manusia juga ditawarkan di peringkat pascasiswazah.

FSKPM dianggotai oleh seramai 61 staf akademik dan 23 staf sokongan pada tahun 2008. Staf akademik terdiri daripada seorang Profesor, lima orang Profesor Madya, tujuh orang berkelayakan PhD dan selebihnya pemegang Sarjana dan Sarjana Muda (7 orang Tutor). Seramai 28 orang staf akademik sedang cuti belajar, 22 orang daripada mereka di peringkat PhD dan enam orang di peringkat Sarjana.

Jumlah pelajar baru adalah 320 orang pada tahun 2008. Seramai 227 orang pelajar diterima mengikuti program Pembangunan Sumber Manusia dan 93 orang lagi untuk program Sains Kognitif. Tiada pengambilan pelajar baru bagi program Kaunseling dan Pendidikan. Pada konvokesyen 2008, seramai 351 pelajar menerima Ijazah Sarjana Muda dari empat program yang ditawarkan manakala pelajar Doktor Falsafah seramai 2 orang, Ijazah Sarjana Sains (mod penyelidikan) 2 orang dan 21 orang penerima Ijazah Sarjana Sains (mod kerja kursus). Pada majlis konvokesyen 2008 telah menyaksikan seorang graduan FSKPM menerima salah satu daripada anugerah berprestij universiti iaitu Anugerah Canselor.

Enam orang pelajar dari fakulti telah mendapat anugerah bersempena Majlis Pelajar UNIMAS 2008 (MAPU 2008). Di antara anugerah yang telah diperolehi ialah Anugerah TNC (HEP), Anugerah KENYALANG, Anugerah LAKSAMANA, Anugerah TAMING SARI dan Anugerah JASA BAKTI.

Tahun 2008 menyaksikan banyak aktiviti

dilaksanakan oleh staf dan pelajar di fakulti ini. Program mentor mentee merupakan aktiviti fakulti yang diadakan setiap semester bagi meraikan serta menyampaikan anugerah kepada pelajar-pelajar cemerlang dalam bidang akademik dan bukan akademik. Aktiviti lain yang diadakan termasuk majlis aluan pelajar baru, majlis meraikan graduan, sambutan hari kemerdekaan peringkat fakulti dan hari keluarga. Kem motivasi anjuran bersama FSKPM diadakan untuk pelajar yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang rendah. Setiap jabatan juga aktif melaksanakan aktiviti masing-masing pada sepanjang tahun 2008.

Banyak pencapaian dan anugerah yang membanggakan diterima oleh staf dan pelajar di fakulti ini sepanjang tahun 2008. Fakulti telah mendapat pengiktirafan dari MOSTI melalui MIMOS sebagai pusat kecemerlangan dalam teknologi semantik "*Centre of Excellence in Semantic Technology & Augmented Reality*". Geran penyelidikan yang diterima dari pelbagai agensi oleh pensyarah yang mengendalikan projek baru adalah RM1.3 juta dan geran semasa bagi projek yang sedang berjalan adalah RM870,000 untuk tahun 2008. Bagi penulisan ilmiah, 2 judul buku, 8 bab dalam buku, 15 artikel berwasit dalam jurnal antarabangsa, 67 artikel dalam persidangan antarabangsa dan kebangsaan, 8 monograf telah dihasilkan. Fakulti telah berjaya mendapat 3 pingat emas di pertandingan MSC Malaysia APICTA 2008. Selain itu, 2 pingat emas, 1 pingat perak, anugerah khas produk telah diterima untuk kerja-kerja penyelidikan oleh pasukan pensyarah serta pelajar pada tahun 2008. Malah beberapa pensyarah terlibat dalam perundingan baik di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan tempatan. Sebilangan pensyarah juga terlibat memberi sumbangan luar dalam badan profesional.

Sebagai rumusan, FSKPM berbangga dengan pencapaian yang diperolehi sepanjang tahun 2008. Semoga kejayaan ini akan terus dikecapi lagi di masa-masa akan datang.



Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat



Dekan

En Johari Abdullah (*sehingga 30 September 2008*)
Prof Dr Narayanan Kulathuramaiyer (*mulai 1 Oktober 2008*)

Timbalan Dekan (Prasiswazah & Pemajuan Pelajar)

Dr Noor Alamshah Bolhassan

Timbalan Dekan (Pascasiswazah & Penyelidikan)

Prof Madya Dr. Alvin Yeo Wee

Ketua Jabatan Sains Komputer & Matematik

Dr Jane Labadin

Ketua Jabatan Sistem Komputer & Teknologi Komunikasi

Prof Madya Dr Tan Chong Eng

Ketua Jabatan Sistem Maklumat

Sharin Hazlin Huspi

Ketua Jabatan Pengkomputeran & Kejuruteraan Perisian

Dr Edwin Mit

Penolong Pendaftar

Ezalman Tambi Lee

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) terus mengorak langkah untuk terus maju seiring dengan visi dan misi universiti dan kearah melahirkan graduan yang berkemahiran dan berkelayakan bagi pasaran industri yang semakin pesat dan kompetitif. Fokus utama adalah dalam membentuk individu yang mempunyai sifat insaniah dengan ilmu, kepakaran, kemahiran dan berwawasan untuk berjaya menempuh cabaran masa depan.

Fakulti kini telah menetapkan tempoh pengajian selama 4 tahun bagi semua program yang ditawarkan iaitu selaras dengan kehendak dan kurikulum *ACM IEE Computing* dan juga untuk merealisasikan etika yang dicadangkan oleh MQA iaitu untuk melanjutkan tempoh latihan industri agar dapat memberi pendedahan serta pengalaman yang lebih kepada pelajar terhadap persaingan kompetitif dan etika bekerja di dalam sesbuah industri. Maklumbalas dari pihak industri juga amat positif terhadap kualiti dan pencapaian pelajar semasa menjalankan latihan industri di organisasi mereka.

Pada masa ini, Fakulti ini menawarkan lima program pengajian prasiswazah yang mendapat pengiktirafan *“Multimedia Super Corridor”* seperti berikut iaitu:-

- Program Pengkomputeran Multimedia
- Program Pengkomputeran Rangkaian
- Program Kejuruteraan Perisian
- Program Sistem Maklumat
- Program Sains Komputan

Selain daripada pemantauan kandungan dan kualiti kurikulum, pihak fakulti juga telah melaksanakan beberapa program tambahnilai untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri seperti Program Pentaulahan Profesional (3P), *Sun Academic Initiative*, *CISCO Academy Program*, *Oracle Academy Program*, *Infosys Campus Correct Program* dan sebagainya.

Pihak fakulti juga sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan prasarana dan infrastruktur di fakulti. Fakulti mempunyai 28 buah makmal komputer dan makmal sistem yang boleh digunakan untuk tujuan pengajaran/pembelajaran dan penyelidikan. Persediaan juga sedang dirangka untuk menyambut ketibaan pelajar-pelajar antarabangsa dari Vietnam dan China yang dijangka akan mendaftar pada awal semester akan datang.

Penyelidikan di Fakulti ditumpukan kepada kumpulan-kumpulan penyelidikan teras iaitu dalam bidang kepakaran Infrastruktur Maklumat, Pemprosesan Imej and Sistem Maklumat Spatial, Sistem Ilmuan, Teknologi Sismantik, *“Rurals Informatic”* dan *“Mathematic Modelling”*. Dua pusat kecemerlangan yang berpusat di fakulti iaitu *Centre of Excellence for Rural Informatics (COERI)* dan *Centre of Excellence for Image Processing and Spatial Technologies (IMAST)* semakin menunjukkan kemajuan dan telah mengembangkan aktiviti penyelidikan mereka ke peringkat antarabangsa iaitu seperti COERI dengan projek e-Bario yang memenangi banyak anugerah di peringkat antarabangsa dan tempatan. IMAST pula lebih tertumpu kepada penyelidikan untuk meningkatkan pekembangan bahan-bahan komersial bagi memajukan sektor pertanian negara.

Kerjasama dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan juga semakin berkembang seperti kerjasama bersama benua Eropah dan Asia melalui *CATER European Commission Project* dan beberapa perjanjian lain yang masih di peringkat perbincangan. Selain itu, kerjasama antara universiti tempatan juga tidak ketinggalan iaitu kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia dan Universiti Multimedia Malaysia.

Secara keseluruhan, tahun 2008 merupakan tahun yang produktif bagi Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dengan beberapa pencapaian yang amat dibanggakan dan merupakan permulaan kepada perkembangan positif pada masa akan datang.

Fakulti Sains Sosial



Dekan

Prof. Madya Dr. Abdul Mutualip Abdullah (*sehingga 31 Oktober 2008*)

Prof Madya Dr Spencer Empading Sanggin (*mulai 1 November 2008*)

Timbalan Dekan (Prasiswa dan Pemajuan Pelajar)

Noor'ain Aini

Timbalan Dekan (Pascasiswa dan Penyelidikan)

Prof. Madya Dr. Hew Cheng Sim

Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Dr Ling How Kee

Kajian Pembangunan

Prof. Madya Dr. Spencer Empading Sanggin
En Mohamad Suhaidi Salleh (*mulai sehingga 31 Oktober 2008*) *(mulai 1 November 2008)*

Politik dan Hubungan Antarabangsa

Dr Neilson Ilan Mersat

Penyelaras Program Kajian Komunikasi

Malia Taibi (*mulai 1 April 2007 hingga sekarang*)

Kajian Perburuhan dan Hubungan Industri

Awang Mashabi Awang Mohamad

Kajian Antarabangsa

Dr Lucy Sebli

Kajian Politik dan Pemerintahan

Stanley Bye Kadam Kiai

Perancangan dan Pengurusan Pembangunan

Haslina Hashim

Kajian Khidmat Sosial

Dolly Paul Carlo

Penolong Pendaftar

Sharifah Mariawati Wan Kassim (*sehingga 31 Oktober 2008*)

Emelia Tambi (*mulai 1 November 2008*)

Fakulti Sains Sosial (FSS) berusaha dengan giat untuk menjadi pusat akademik yang cemerlang melalui program akademik yang bersifat bersepada dan antara disiplin. Ini bertujuan agar segala ilmu pengetahuan dari perspektif sains sosial dapat dicapai dan digunakan untuk memandu dan merancang kemajuan masyarakat terutamanya dalam menangani cabaran globalisasi. Graduan daripada FSS berupaya merancang strategi serta mengambil langkah yang sesuai dan efektif dalam menangani cabaran yang timbul ekoran daripada kesan pembangunan yang pesat.

Disamping itu, FSS juga berhasrat untuk menjadi pusat kecemerlangan penyelidikan bagi para penyelidik yang terdiri dari pensyarah-pensyarah muda dan bersemangat. Kedudukan strategik UNIMAS di Borneo adalah satu kelebihan untuk para penyelidik, khasnya di FSS untuk menggunakan peluang yang luas bagi menjalankan penyelidikan berkaitan dengan isu-isu sosial dan ekonomi di Sarawak khasnya dan di Borneo secara umumnya.

Fakulti Sains Sosial terus berusaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam menangani cabaran arus pembangunan dan perubahan semasa. Pada tahun 2008, Fakulti menawarkan sebanyak enam program pengajian peringkat prasiswazah dengan sejumlah 109 kursus dikendalikan pada semester 1 dan 2 sesi 2008/2009. Secara keseluruhan, seramai 701 orang pelajar mengikuti program-program pengajian prasiswazah yang ditawarkan di fakulti. Manakala di peringkat pascasiswazah pula, seramai 7 orang pelajar mendaftar di peringkat Sarjana dan 1 orang di peringkat Doktor Falsafah.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memastikan program dan kursus yang ditawarkan adalah selari dengan perkembangan terkini. Fakulti telah mengadakan sumbangsaran yang telah memberi nafas baru bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan kurikulum secara keseluruhan. Justeru, usaha mengemasikini kandungan kursus-kursus sedia ada dibuat di samping mengwujudkan kursus-kursus baru bagi menggantikan kursus-kursus lama yang dimansuhkan.

Pada majlis konvokesyen 2008, seramai 149 orang graduan Fakulti menerima ijazah masing-masing, terdiri daripada 148 penerima Sarjana Muda dan seorang penerima ijazah PhD berbanding 129 graduan pada tahun 2007. Alumni fakulti sejak tahun 1997 hingga 2008 berjumlah 1739.

Sepanjang tahun 2008, terdapat satu projek penyelidikan baru yang dijalankan di Fakulti yang mendapat tajaan daripada pihak luar. Fakulti turut menganjurkan 9 siri seminar penyelidikan.

Transformasi Sosial di Borneo masih menjadi tema utama dan bidang penyelidikan khusus. Beberapa pecahan penyelidikan dikenalpasti iaitu Sistem Kepercayaan, Identiti dan Etnisiti, Gender, Urbanisasi, Budaya dan Perubahan Politik, Pembangunan Masyarakat dan Persekutaran serta Pengetahuan Pribumi. Fakulti turut menggalakkan para akademiknya untuk giat menulis hasil kajian yang telah dilakukan iaitu melalui penerbitan sebanyak 9 *Working Paper Series* di peringkat Fakulti pada tahun 2008.

Aktiviti pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan dan khidmat akademik disokong dengan pengurusan dan pembangunan sumber manusia di Fakulti. Secara keseluruhannya, Fakulti mempunyai 67 orang staf.

Staf akademik terdiri daripada 36 orang berjawatan tetap, 6 orang kontrak dan 10 orang tutor. Jumlah ini merangkumi 2 orang Profesor, 6 Profesor Madya dan 29 orang Pensyarah. Manakala staf sokongan terdiri daripada 13 orang berjawatan tetap dan 2 orang sementara.

Fakulti sentiasa menitikberatkan pembangunan staf untuk menjamin kualiti tenaga pengajar. Dua orang pensyarah dihantar ke luar negeri untuk melanjutkan pengajian pada peringkat Doktor Falsafah pada tahun 2008. Mereka dibiayai dengan peruntukan biasiswa Universiti/Kerajaan. Pada tahun ini juga, 4 orang pensyarah dan seorang tutor telah kembali daripada cuti belajar. Disamping itu juga, staf fakulti turut dihantar menghadiri persidangan, seminar dan latihan untuk mempertingkatkan kepakaran dan kemahiran serta mempersiapkan diri mereka dengan maklumat terkini.



Fakulti Sains & Teknologi Sumber



Dekan

Prof Dr Wan Sulaiman Wan Harun

(sehingga 30 Sept 2008)

Prof Dr Shabdin Mohd Long

(mulai 1 Okt 2008)

Timbalan Dekan Pascasiswazah & Penyelidikan

Prof Madya Dr Isa Ipor

(sehingga 30 Sept 2008)

Prof Dr Fasihuddin Badruddin Ahmad

(mulai 1 Okt 2008)

Timbalan Dekan Prasiswazah & Pemajuan Pelajar

Prof Madya Dr Mustafa Abdul Rahman

Ketua Jabatan Zoologi

Prof Madya Dr Mohd Tajuddin Abdullah

Ketua Jabatan Biologi Molekul

Prof Madya Dr Edmund Sim Ui Hang

Ketua Jabatan Kimia

Prof Dr Lau Seng

(sehingga 30 Jun 2008)

Prof Dr Fasihuddin Badruddin Ahmad

(mulai 1 Julai 2008 sehingga 30 Sept 2008)

Prof Madya Dr Zaini Assim

(mulai 1 Okt 2008)

Ketua Jabatan Sains Tumbuhan & Ekologi Persekutaran

Prof Madya Dr Cheksum Tawan

(sehingga 30 Jun 2008)

Prof Madya Dr Sepiah Muid

(mulai 1 Julai 2008)

Ketua Jabatan Sains Akuatik

Dr Siti Akmar Khadijah Ab. Rahim

(sehingga 30 Jun 2008)

Dr Samsur Mohamad

(mulai 1 Julai 2008)

Penolong Pendaftar Kanan

Emelia Tambi

(sehingga 31 Oktober 2008)

Dayang Nor Hajijah Hj Awang Daud

(mulai 1 November 2008)

Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) terus memberi penekanan dalam memantapkan prasarana pengajaran-pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan jalinan kerjasama dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara sepanjang tahun 2008 bagi merealisasikan visi dan misinya. Bilangan staf akademik (termasuk tutor) pada penghujung 2008 adalah 97 orang dan bilangan staf sokongan pula adalah 65 orang dalam tempoh yang sama.

Program-program pengajian yang sedia ada (lima program prasiswazah, program penyelidikan siswazah Sarjana Sains dan PhD dan satu program sarjana berbentuk kerja kursus) terus diberi penekanan dan dimantapkan supaya seiring dengan keperluan semasa dan berdayasaing. Semakan kurikulum prasiswazah telah berjaya dilaksanakan dan penawaran kursus 120 jam kredit telah dimulakan mulai sesi 2008/09.

Seramai 322 orang pelajar baru telah mendaftar pada sesi 2008/09 dan ini menjadikan jumlah enrolmen Fakulti bagi tahun 2008 adalah 898 orang. Berbagai penambahbaikan telah dilaksanakan untuk memantapkan aktiviti pengajaran-pembelajaran. Langkah-langkah yang diambil telah memberi kesan positif seperti berkurangnya bilangan pelajaryang mengalami masalah akademik dan peningkatan peratusan penerima Anugerah Dekan. Pada Konvokesyen UNIMAS 2008, seramai 269 orang graduan telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian, 1 orang Ijazah Doktor Falsafah dan 18 orang Ijazah Sarjana Sains. Pertukaran pelajar dengan Charles Darwin University, Australia telah juga dilaksanakan.

Bagi pengajian pascasiswazah (Sarjana Sains dan PhD), enrolmen pada tahun 2008 adalah 81 orang (4 calon PhD dan 77 calon Sarjana Sains) yang mengikuti pengajian melalui penyelidikan dalam pelbagai bidang keutamaan Fakulti dan jumlah enrolmen pelajar pascasiswazah fakulti sehingga penghujung 2008 adalah seramai 180 orang.

Aktiviti penyelidikan di Fakulti berjalan rancak di sepanjang tahun 2008. Tumpuan khusus diberikan dalam memperkasa dan mempertingkatkan keperluan penyelidikan. Latihan kemahiran penggunaan dan aplikasi instrumen canggih terus diberi penekanan bagi menjamin kualiti penyelidikan dan penerbitan. Ahli Fakulti telah berjaya memperolehi 16 projek penyelidikan yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi serta Lembaga Lada Malaysia berjumlah RM 722,416 sepanjang tahun 2008. Dalam tempoh yang sama sebanyak 44 projek pembiayaan dari kerajaan dan 2 projek pembiayaan agensi luar terus aktif

dijalankan dan telah membawa kepada penerbitan pelbagai hasil penyelidikan dalam jurnal, prosiding, bab dalam buku dan juga paten. Ahli Fakulti juga telah berjaya memperolehi 14 projek perundingan dalam berbagai bidang. Rangkaian kerjasama Penyelidikan dan Pembangunan terus diperluas dengan pemetaian Memorandum Persefahaman Penyelidikan dan Pembangunan, dengan Alam Widuri Biotek Sdn Bhd untuk projek jatropha dan dengan Sanmina-SCI Corporation (M) Sdn Bhd untuk projek persekitaran. Ahli Fakulti juga telah berjaya mewujudkan kumpulan-kumpulan penyelidikan dalam empat bidang iaitu kepelbagaiannya biologi bagi ekosistem terpilih; zoonosis dan penyakit berjangkit; penggunaan mapan dan pengurusan tanah gambut serta penyelidikan sago yang telah berjaya memperolehi pembiayaan dari berbagai agensi. Di samping itu jalinan kerjasama dengan berbagai institusi di dalam dan di luar negara telah juga berjalan bagi memantapkan aktiviti penyelidikan.

Fakulti telah berjaya menganjurkan tiga persidangan di sepanjang tahun 2008 iaitu *10th Malaysian Applied Biology Symposium*; *Regional Symposium on Zoonoses and Emerging Infectious Disease* dan *International Symposium and Workshop on Tropical Peatland*. Staf akademik Fakulti juga terlibat secara aktif dalam berbagai aktiviti keilmuan menerusi pembentangan kertas kerja di persidangan dalam dan luar negara serta kolokium mingguan jabatan. Fakulti juga telah menerima kunjungan berbagai pelawat antarabangsa khususnya dari Australia, USA, Japan, United Kingdom dan Indonesia bagi memantapkan lagi jalinan kerjasama khususnya dalam pengajaran, pertukaran pelajar, penyelidikan dan penerbitan.



Institut Kepelbagaian Biologi & Pemuliharaan Alam Sekitar



Pengarah

Prof Madya Dr Andrew Alek Tuen

Pensyarah

Prof Madya Dr Indraneil Das

Felo Penyelidikan

Prof Lau Seng

Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IBEC) telah ditubuhkan di UNIMAS untuk meneraju penyelidikan dalam dua bidang teras, iaitu kepelbagaian biologi dan pemuliharaan alam sekitar. Pelbagai aktiviti penyelidikan yang berkaitan telah dijalankan dari masa ke semasa. Ini telah menghasilkan beberapa pangkalan data kepelbagaian biologi dan 31 penerbitan ilmiah sepanjang tahun 2008.

Program Pengajaran dan Pembelajaran di IBEC adalah di peringkat pascasiswazah melalui penyelidikan sahaja. Antara bidang yang ditawarkan adalah merangkumi bidang Entomologi, Herpetologi, Sains Persekutaran, Ekologi Haiwan dan Teknologi Tumbuhan (pengkulturan tisu). Sepanjang 2008, IBEC telah mencatatkan pendaftaran pelajar baru seramai tiga orang termasuk program pertukaran pelajar antarabangsa. Pada majlis konvokesyen 2008, dua orang pelajar pascasiswazah IBEC turut bergraduat dalam bidang *Environmental Management* dan *Plant Biotechnology*.

IBEC telah mencatatkan dua projek penyelidikan baru yang diusahasama oleh Prof Lau Seng dan Prof Madya Dr Alexander Kiew Sayok pada 2008. Manakala, lima projek masih dijalankan dan hanya satu projek sahaja telahpun siap iaitu hasil penyelidikan Prof Indraneil Das. Dua orang Felo Penyelidik dilantik dari luar sebagai kolaborator dalam penyelidikan IBEC manakala seorang Felo Pelawat dilantik bagi tujuan menjalankan penyelidikan masing-masing bagi tempoh satu ke dua tahun.

IBEC telah menyediakan pelbagai kemudahan penyelidikan dari segi ruang makmal dan juga peralatan-peralatan baru makmal untuk

kegunaan para felo penyelidik. Pada 2008, makmal IBEC telah terbahagi kepada empat pecahan iaitu Makmal Kepelbagaian Biologi dan Sistematik, Makmal Sains Persekutaran, Makmal Molekular dan Makmal Ekologi.

Sepanjang 2008, pelbagai peristiwa penting yang telah berlaku di IBEC dan di antara aktivitinya adalah menganjurkan siri ceramah atau pembentangan dari penceramah jemputan dan juga pelajar pascasiswazah IBEC. Selain itu, IBEC telah menerima 17 kunjungan daripada pelbagai badan luar termasuk dari universiti luar negara. Dengan ini, IBEC semakin dikenali di kalangan komuniti penyelidik kepelbagaian biologi dan pemuliharaan serta menambah bilangan rangkaian kerjasama penyelidikan dengan pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa.

IBEC yang telah ditadbir urus oleh seorang pengarah, telah menerima kemasukan empat orang Felo Penyelidik baru yang menjadikan felo penyelidik IBEC berjumlah seramai enam orang pada 2008. Pentadbiran serta pengurusan IBEC juga dibantu oleh empat orang staf sokongan pentadbiran dan dua orang staf sokongan makmal. IBEC juga telah mewujudkan Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah, Jawatankuasa Penyelidikan, Jawatankuasa Sebutharga di peringkat Institut. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Pengarah dan ahli-ahlinya di kalangan pensyarah IBEC dan pensyarah tertentu dari FSTS.

Peruntukan sebanyak RM308,500.00 telah diluluskan untuk perbelanjaan mengurus pada tahun 2008. Lebih daripada 80% telah dibelanjakan untuk tujuan pengurusan, pentadbiran, penyelidikan, pengajaran serta pembelajaran.

Institut Kesihatan & Perubatan Komuniti



Pengarah Virologi
Prof. Dr. Mary Jane Cardosa

Timbalan Pengarah
Cik Tio Phaik Hooi

Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti (IKPK) ditubuhkan untuk menjadi salah sebuah teraju dalam membuat penyelidikan bagi penyakit tropika berjangkit (tropical infectious diseases) melalui pembinaan dan penggunaan teknologi dan metodologi yang sesuai untuk mengesan, mengkaji serta mengawal penyakit yang berkaitan dengan denggi, Japanese encephalitis, dan adenoviruses seperti penyakit tangan, kaki dan mulut.

Sehubungan itu, seperti tahun-tahun yang lepas, IKPK terus giat menjalankan penyelidikan bagi mencapai misinya untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan yang cemerlang dan menyumbang kepada penemuan pengetahuan dan kaedah-kaedah baru serta pembangunan produk berdasarkan bioteknologi perubatan.

Sepanjang tahun 2008, IKPK mempunyai sebanyak lapan projek sedang berjalan yang dibiayai oleh Tabung Sains (Science Fund), Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan Wellcome Trust. Selain daripada itu, IKPK turut mempunyai sebanyak sepuluh orang pelajar pascasiswazah berdaftar pada tahun 2008.

IKPK menawarkan kursus di peringkat pascasiswazah melalui penyelidikan dalam bidang Bioteknologi Perubatan. Bagi tahun 2008, sebanyak tiga orang pelajar baru telah mendaftar untuk Ijazah Sarjana, menjadikan jumlah pelajar berdaftar di IKPK kepada sepuluh orang. Daripada kesemua jumlah pelajar tersebut, sebanyak tiga orang pelajar merupakan pelajar yang berdaftar di peringkat Kedoktoran dan enam lagi merupakan pelajar Ijazah Sarjana.

Selain daripada itu, IKPK juga telah menempatkan seorang pelajar ijazah Kedoktoran yang berdaftar di Liverpool University, UK untuk sepanjang tahun 2008. Kesemua pelajar IKPK yang berdaftar di peringkat Kedoktoran dan Sarjana diseliakan oleh tiga orang tenaga pengajar.

Bagi sepanjang tahun 2008, terdapat sebanyak lapan projek penyelidikan yang dijalankan oleh IKPK. Daripada jumlah berkenaan, dua daripadanya adalah projek baru yang diluluskan pada suku kedua tahun 2008. Kedua-dua daripada projek baru berkenaan dibiayai oleh Tabung Sains. Projek-projek bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:

- **Ooi MH**, Lewthwaite P, Lai BF, Mohan A, Clear D, Lim L, Krishnan S, Preston T, Chieng CH, **Tio PH**, Wong SC, **Cardosa J**, Solomon T. The epidemiology, clinical features, and long-term prognosis of

Japanese encephalitis in central Sarawak, Malaysia, 1997-2005. Clin Infect Dis. 2008 Aug 15;47(4):458-68.
PMID: 18616397 [PubMed - indexed for MEDLINE]

- Ong KC, Badmanathan M, Devi S, Leong KL, **Cardosa MJ**, Wong KT. Pathologic characterization of a murine model of human enterovirus 71 encephalomyelitis. J Neuropathol Exp Neurol. 2008 Jun;67(6):532-42.
PMID: 18520772 [PubMed - indexed for MEDLINE]
- Wong SC, **Ooi MH**, Abdullah AR, Wong SY, Krishnan S, **Tio PH**, Pek PC, Lai BF, Mohan A, Muhi J, Kiyu A, Arif MT, **Cardosa MJ**. A decade of Japanese encephalitis surveillance in Sarawak, Malaysia: 1997-2006. Trop Med Int Health. 2008 Jan;13(1):52-5.
PMID: 18291002 [PubMed - indexed for MEDLINE]
- Zaki A, **Perera D**, Jahan SS, **Cardosa MJ**. Phylogeny of dengue viruses circulating in Jeddah, Saudi Arabia: 1994 to 2006. Trop Med Int Health. 2008 Apr;13(4):584-92. Epub 2008 Feb 1. PMID: 18248565 [PubMed - indexed for MEDLINE]
- Solomon T, Thao TT, Lewthwaite P, **Ooi MH**, Kneen R, Dung NM, White N. A cohort study to assess the new WHO Japanese encephalitis surveillance standards. Bull World Health Organ. 2008 Mar;86(3):178-86.
PMID: 18368204 [PubMed - indexed for MEDLINE]
- Yu M, Stevens V, Berry JD, Crameri G, McEachern J, Tu C, Shi Z, Liang G, Weingartl H, **Cardosa J**, Eaton BT, Wang LF. Determination and application of immunodominant regions of SARS coronavirus spike and nucleocapsid proteins recognized by sera from different animal species. J Immunol Methods. 2008 Feb 29;331(1-2):1-12. Epub 2007 Dec 17. PMID: 18191140 [PubMed - indexed for MEDLINE]

** Sila ambil perhatian bahawa nama-nama penulis daripada IKPK diboldkan.

Bagi tahun 2008, IKPK diketuai oleh seorang pengarah dan seorang Timbalan Pengarah. Dalam masa yang sama, IKPK mempunyai tiga orang staf akademik, yang mana seorang daripadanya merupakan staf kanan. Selain daripada itu, IKPK mempunyai seorang staf pengurusan dan professional (P&P) dan tujuh orang staf sokongan di makmal dan di pejabat am. Pada April 2008, IKPK telah menerima seorang Penolong Pendaftar baru, menjadikan jumlah staf P&P kepada dua orang.

Pada tahun 2008, IKPK telah membuat perolehan melalui beberapa sebutharga bagi peralatan-peralatan untuk kegunaan makmal dan tujuan kajian. Peralatan-peralatan yang dibeli adalah tiga buah *Ultra Low Temperature Freezer*, tiga buah *Thermalcycler*, sebuah *Autoclave*, sebuah *Spectrometer* dan sebuah *Flurospectrometer*.

Pada 2008, Prof Dr Mary Jane Cardosa merupakan salah seorang daripada ahli jawatankuasa bagi the *Academy of Sciences Malaysia*. Prof Dr Mary Jane Cardosa juga telah dilantik menjadi salah seorang daripada ahli bagi the *Scientific Advisory Committee* di bawah the *Diagnostics Business Line* untuk *World Health Organization* pada bulan Mac 2008.

Pada 7hb Julai 2008, IKPK telah mengambil bahagian di dalam 2008 *International Exchange Student* di bawah *The Youth Scientific Exchange Student*, di mana IKPK telah menerima dua orang pelajar dari *Australian Biosecurity CRC, Melbourne, Australia*. Kedua-dua pelajar berkenaan adalah Encik Aiden George Campbell dan Cik Michelle Jacqueline Boyle.

Selain daripada itu, pada 7hb September 2008 sehingga 19hb September 2008, pihak IKPK

telah menjemput Cik Nguyen Thi Kim Ngoc dari *Pasteur Institute*, Ho Chi Minh City, Vietnam, untuk mengadakan pengkajian dan penyelidikan (*attachment*) di bawah projek *The Asia-Pacific Enetrovirus Surveillance Network (APNET) for training in EV71 genotyping*.

IKPK telah menghadiri *The 13th International Congress on Infectious Diseases* di Kuala Lumpur pada 19.06.2008 sehingga 22.06.2008. Kesemua staff dan pelajar IKPK menghadiri persidangan berkenaan, kecuali staf pengurusan.

Pihak IKPK turut menganjurkan latihan dalaman untuk pengendalian peralatan *Flourescene Activated Cell Sorting* di makmal pada 14.04.2008 sehingga 23.04.2009 dan pada 29.04.2008 sehingga 30.04.2008. Sehubungan itu, IKPK turut menganjurkan latihan dalaman untuk pengendalian peralatan 4 *Cappilaries DNA Sequencer* dari 27.08.2008 sehingga 28.08.2008. Kesemua latihan ini disertai oleh pensyarah-pensyarah, kesemua pembantu penyelidik serta pelajar-pelajar IKPK yang berkaitan.

Untuk tahun 2008, IKPK telah diperuntukkan wang perbelanjaan mengurus berjumlah RM524,500.00, bertambah sebanyak kira-kira 17.075% daripada tahun sebelumnya. Pada 2008, IKPK juga telah diberi peruntukan tambahan sebanyak RM430,000.00. Sepanjang 2008, kesemua peruntukan ini dipecahkan kepada sepuluh kod perbelanjaan dengan jumlah terbesar diperuntukkan untuk alat pengajaran dan penyelidikan, diikuti dengan bahan kimia dan bekalan dan bahan penyelidikan. Perbelanjaan ini telah dapat digunakan dengan sebaiknya dan hanya berbaki 11.0% sahaja pada 31 Disember 2008.

Institut Pengajian Asia Timur



Pengarah

Prof Datuk Abdul Rashid Abdullah

Pemegang Kursi Nusantara

Prof Abdul Halim Ali

**Felo Penyelidik Kanan Pengajian
Sino-Borneo**

Dr Daniel Chew

**Felo Penyelidik Kanan Pengajian
Nusantara**

Datu Haji Sanib Said

Dr Ann Appleton

**Felo Penyelidik Kanan Pengajian
Sino-Borneo**

Jayl Langub

Sepanjang tahun 2008 Institut Pengajian Asia Timur (IPAT) telah mengukuhkan peranannya sebagai pusat kajian serantau melalui program-program penyelidikan, bengkel, seminar dan perkhidmatan rundingan. Pada masa ini fokus para penyelidik adalah rantau Asia Tenggara. Manifestasi fokus ini terlihat dalam isu-isu utama yang diselidiki seperti kajian tentang diaspora masyarakat Cina, transformasi masyarakat Borneo, dan penglibatan masyarakat kecil di pedalaman Sarawak dalam pasaran.

Sebagai sebuah pusat kajian serantau yang utama di Malaysia Timur, IPAT telah menarik minat ramai sarjana dari seberang laut. Sebilangan parasarjana pelawat merupakan pelajar sarjana yang memerlukan bimbingan dan sokongan penyelidikan semasa menjalankan kerja lapangan di Borneo. Pada tahun 2008 terdapat tiga orang pelajar sarjana yang dilantik sebagai felo-bersekutu IPAT. IPAT telah memanfaatkan kehadiran sarjana-pelawat untuk memperkayakan aktiviti kesarjanaan dengan menganjurkan seminar sempena kehadiran mereka. Dalam tahun 2008 tujuh siri seminar telah berjaya dianjurkan selain banyak sesi perbincangan

mengenai penyelidikan yang dijalankan masing-masing.

Sejak 2005, IPAT telah menanam usaha untuk menyemarakkan hubungan serta kerjasama ilmiah di kalangan universiti-universiti di kepulauan Borneo. Hubungan dan kerjasama ini telah dipupuk melalui konferensi tahunan universiti-universiti di Borneo Kalimantan, Sarawak, Sabah, dan Negara Brunei Darussalam. Pada 25-26 Jun 2008, Konferensi Antaruniversiti Se Borneo-Kalimantan yang ke-4 telah diadakan di Universitas Mulawarman, Samarinda, Kalimantan Timur. Di konferensi tersebut, 103 makalah telah dibentangkan dan seterusnya diterbitkan sebagai prosiding oleh IPAT. Walaupun diadakan di luar Kampus UNIMAS, konferensi tahunan ini dianjur serta dikendalikan oleh IPAT.

Dalam tahun 2008 IPAT telah berjaya melantik dua orang Felo-Penyelidik Kanan sebagai usaha mempergiatkan penyelidikan dalam bidang-bidang kedua-dua kursi tersebut. Perlantikan ini juga akan memperluaskan skop kajian.

Pusat Pengajian Siswazah



Dekan

Prof. Dr Kopli Bujang

Timbalan Dekan

Prof Madya Dr Andrew Aeria

Penolong Pendaftar

Nor Fadzilah Kamarudzaman

Pusat Pengajian Siswazah (PPS) bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan memainkan peranan utama dalam membangun dan menguruskan semua program pengajian pascasiswazah yang ditawarkan oleh Fakulti/Pusat/Institut di Universiti Malaysia Sarawak.

Pada tahun 2008 enrolmen pelajar adalah seramai 634 orang yang terdiri daripada 81 orang pelajar peringkat Doktor Falsafah, 293 orang pelajar peringkat Sarjana melalui Penyelidikan dan 260 orang pelajar Sarjana melalui Kerja Kursus. Bilangan pelajar antarabangsa yang telah memilih untuk melanjutkan pengajian mereka di UNIMAS adalah seramai 28 orang. Ini membuktikan program-program kesarjanaan yang ditawarkan oleh UNIMAS semakin diminati dan diperakui di persada antarabangsa. Bilangan kemasukan pelajar meningkat 100% dari tahun 2007 iaitu seramai 103 orang kepada 205 orang pada tahun 2008.

Pada Majlis Konvokesyen ke-12 yang telah diadakan pada 11 hingga 13 Ogos 2008, seramai 6 orang pelajar bagi pengajian Doktor Falsafah dan 119 orang pelajar Sarjana telah bergraduat dengan jayanya. Pada tahun ini juga, untuk kali yang ke-3, UNIMAS menganugerahkan Zamalah Penyelidikan Naib Canselor kepada seramai 5 orang graduan yang cemerlang di peringkat prasiswazah dan sekaligus membolehkan mereka melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di UNIMAS.

PPS telah melaksanakan beberapa aktiviti tahunan bagi 2008. Di samping itu, pihak PPS juga

menyertai aktiviti-aktiviti luar yang berkaitan dengan pengajian Pascasiswazah. Berikut adalah di antara aktiviti-aktiviti tersebut :

- Menganjur Mesyuarat Majlis Dekan Pengajian Siswazah IPTA.
- Mengadakan promosi pendidikan dan prebiu percuma pengajian Sarjana melalui Kerjakursus di Hotel Holiday Inn, Kuching pada 25 Mei 2008.
- Mengadakan Hari Aluan Pelajar Baru Pascasiswazah pada 12 Julai 2008 di UNIMAS.
- Menyertai sembilan (9) pameran untuk mempromosi program Ijazah Lanjutan Pendidikan di dalam dan luar negeri.
- Menyertai Majlis Ramah Tamah Aidilfitri UNIMAS pada 15 Oktober 2008 bergabung bersama Bahagian Pengajian Prasiswazah (BPPs)
- Menganjurkan Perjumpaan Bersama Pelajar Antarabangsa Pascasiswazah sempena perayaan Hari Raya pada 28 Oktober 2008.

Selain dari terlibat dengan aktiviti-aktiviti tersebut, PPS ini juga telah memulakan langkah menjalankan penyuntingan pertama untuk buletin Pascasiswazah. Buletin ini telah berjaya dikeluarkan pada penghujung tahun 2008 dengan diberi nama Warta Pasca. Di samping itu, Buku Panduan Program Pascasiswazah (Prospektus) untuk edisi yang baru juga telah berjaya disunting dan dicetak pada akhir tahun 2008.

Pusat Pemajuan Pelajar



Dekan

Prof Madya Dr Othman Bojo

Pensyarah

Prof Datin Napsiah Mahfuz
Haji Ahmad Sabu
Haji Abd Azizir Yahya

Penolong Pendaftar Kanan

Ahmad Mujid Abdul Wahab

Pegawai Perhubungan Industri

Sapi'ee Hanapi

Kaunselor

Haji Sa'aidin Sulaiman
Saptuyah Barahim

Fokus Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) kini ialah kepada memangkin kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah selaras dengan hasrat UNIMAS untuk melahirkan graduan yang berketerampilan, berilmu pengetahuan dan berdaya saing. Ini dicapai melalui penyebaran ilmu dan kemahiran sampingan, penawaran khidmat kaunseling serta bimbingan, penawaran modul ketrampilan diri untuk memantap keyakinan diri, kepimpinan, pembudayaan mencari maklumat di samping meningkatkan minat untuk belajar sepanjang hayat dan mendedahkan kepada isu-isu semasa.

Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) telah mewajibkan semua pelajar mulai ambilan sesi 2008-2009 untuk mengambil 40 jam kursus Ketrampilan Diri (KD). Kursus KD ini adalah sebahagian Program Ketrampilan Diri (PKI) UNIMAS dan bertujuan membolehkan pelajar memiliki pengetahuan dan kompetensi yang dapat membantu mereka mengikuti pengajian di Unimas, dan seterusnya meningkatkan employabiliti dan menyediakan mereka untuk dunia pekerjaan. Kursus Ketrampilan Diri dikendalikan oleh fasilitator daripada PPP, Fakulti dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA).

Kursus Ketrampilan Diri (KD) UNIMAS ini dibina berdasarkan modul Pembangunan Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajaran Tinggi Malaysia yang diterbitkan oleh Kementerian Pengajaran Tinggi Malaysia (KPTM) pada tahun 2006. Modul ketrampilan diri yang disediakan ini mampu melahirkan graduan UNIMAS yang serba boleh, mantap, berdisiplin tinggi, berdaya saing dan maju.

Kursus Ketrampilan Diri merangkumi 11 modul seperti berikut:

1. Kemahiran Berkomunikasi
2. Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
3. Kemahiran Kerja Berpasukan
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
5. Etika dan Moral Profesional
6. Kemahiran Kepimpinan
7. Keusahawanan
8. Pengurusan Diri
9. Pengurusan Kerjaya
10. Pembangunan Bangsa
11. Isu Semasa

Sepanjang tahun 2008 sebanyak 167 kursus KD untuk pelajar UNIMAS telah dikelolakan oleh Pusat Pemajuan Pelajar. Seramai 7807 pelajar daripada pelbagai Fakulti, kolej kediaman dan PELAPES UNIMAS telah melibatkan diri dalam kursus tersebut. Butiran jumlah pelajar yang mengikuti kursus yang dikendalikan PPP adalah seperti berikut.

Bulan	Jumlah Kursus	Jumlah Peserta
Januari-Mei	37	1539
Jun-Julai 2008	27	2659
Ogos-Okt	103	3409
Jumlah	167	7807

Kehadiran pelajar bertambah dengan banyaknya mulai Julai 2008 dengan bermulanya kursus KD wajib untuk pelajar tahun 1 ambilan 2008/2009. Pada





semester 1 sesi 2008/2009 sebanyak tiga (3) kursus wajib telah dikendalikan oleh Fakulti. Kursus tersebut adalah a) PPP0801 Pengurusan Diri, b) PPP0401 Belajar dengan Efektif, dan c) PPP0403 Kemahiran Menulis. Seramai 28 Fasilitator dan 8 penyelaras Fakulti membantu mengendalikan kursus tersebut di peringkat Fakulti. Bengkel Latihan untuk Fasilitator telah diadakan pada 31 Julai 2008. Jumlah pelajar yang mengikuti kursus KD wajib pada semester 1 sesi 2008/2009 adalah seperti berikut:

Fakulti	Jumlah Pelajar mengikuti 3 kursus KD wajib
Kejuruteraan	813
Sains Kognitif & Pembangunan Manusia	774
Sains Komputer & Teknologi Maklumat	228
Seni Gunaan & Kreatif	984
Perubatan & Sains Kesihatan	339
Sains Sosial	375
Ekonomi & Perniagaan	621
Sains & Teknologi Sumber	948
Jumlah Peserta Kursus	5082

Sebagai tambahan, PPP mengendalikan beberapa program khusus seperti a) Bengkel Kecemerlangan Akademik, dan b) Bengkel Persediaan Peperiksaan. PPP juga dijemput untuk menyampaikan ceramah motivasi kepada pelajar Kolej Matrikulasi Labuan, ibu-bapa dan pelajar beberapa sekolah menengah di Sarawak. Seramai 6330 peserta mengikuti 9 kursus tersebut yang di adakan di antara Januari hingga Ogos 2008.

PPP telah mewujudkan semula *speaker's corner* mulai Februari 2007 sebagai Medan untuk pelajar menonjolkan diri dalam pengucapan awam dan berhadapan dengan khalayak. Pada 2008, Medan ini telah digunakan oleh Kelab Debat UNIMAS (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) dan Fakulti Kejuruteraan.

Disamping itu, Unit Kaunseling juga aktif dalam pengendalian aktiviti yang berkonsepkan *Outreach* di kolej-kolej kediaman pelajar UNIMAS.

Tanggungjawab sebagai Urusetia/Sekretariat bagi Mesyuarat Majlis Kaunseling dan Kerjaya Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (MAKUMA) bagi penggal 2007/2008 masih dijalankan. Pelbagai aktiviti yang melibatkan semua kaunselor IPTA antaranya ialah Simposium Kaunselor yang memberikan pendedahan mengenai kes-kes kaunseling dan memudahkan seseorang mengenali

tingkah laku manusia bagi memudahkan pentadbiran kaunseling.

Selain itu, Kelab Pembimbing Rakan Sebaya juga berjaya menganjurkan Kolokium Pembimbing Rakan Siswa yang bermatlamat menyedarkan pelajar tentang keberkesanannya kepimpinan dalam membentuk siswa-siswi yang fleksibel dan berkemahiran insaniah.

Bagi Unit Kebajikan pula, pihak Pusat Pemajuan Pelajar juga membantu menyediakan perkhidmatan bantuan kebajikan bagi pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dari segi kewangan. Antara tabung-tabung bantuan tersebut adalah Tabung Bakti, Tabung Kebajikan, Tabung Bank Islam, Tabung Diraja dan Tabung Baitulmal. Selain itu Unit Kebajikan juga membantu pelajar yang kehilangan ahli keluarga. Jumlah pemohon tabung-tabung kebajikan juga telah meningkat daripada tahun sebelumnya.

Aktiviti-aktiviti keusahawanan juga semakin mendapat sambutan yang positif daripada pelajar dimana tahun 2008 menyaksikan penyertaan sebanyak 371 orang pelajar dalam aktiviti-aktiviti dalam Program Pembangunan Usahawan Siswa (PPUS). Selain itu, Latihan Keusahawanan Siswa (LKS) bagi siri akhir dianjurkan bagi melengkapkan modul-modul LKS yang sebelumnya.

Bengkel Penyediaan Rancangan Perniagaan yang julung kali dianjurkan oleh Pusat ini juga telah berjaya memberi pendedahan yang mendalam dalam menyediakan Pelan Rancangan Perniagaan yang berkesan bagi bakal usahawan UNIMAS.

Unit Kerjaya turut ditubuhkan bagi memberikan pendedahan dan maklumat disalurkan mengenai peluang-peluang kerjaya samada daripada agensi kerajaan maupun swasta. Ekspo Kerjaya 2008 telah berlangsung dengan jayanya yang melibatkan penyertaan daripada agensi kerajaan dan swasta serta penglibatan pelajar-pelajar daripada pelbagai fakulti.



Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi



Pengarah

Prof Madya Dr Awangku Abdul Rahman bin Haji Awangku Yussuf (*sehingga 30 Sept 2008*)
Prof Dr Mohd Azib Salleh (*bermula 1 Okt 2008*)

Penolong Pendaftar

Kartika Barmawi (*sehingga 31 Oktober 2008*)
Sh. Mariawati Wan Kassim (*bermula 1 November 2008*)

Pegawai Penerbitan

Zulkarnain Kipli

Penolong Pegawai Penerbitan

Norinda Krang Su'ut

Penolong Pegawai Tadbir

Rosaidawati Abdul Said

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) yang ditubuhkan pada bulan Januari 2005, berperanan sebagai pusat yang bertanggungjawab menguruskan semua aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi di Universiti Malaysia Sarawak.

Pada tahun 2008, UNIMAS terus memperkasakan program penyelidikannya. Ini adalah sejajar dengan misi UNIMAS untuk menjadi universiti bertaraf dunia, dengan kecemerlangan penyelidikan sebagai satu daripada strategi mencapainya.

Geran Penyelidikan Fundamental

Pada tahun 2008 sebanyak 7 Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) baru telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dengan jumlah peruntukan RM494,906.00. Jumlah tersebut merangkumi 1 projek dalam bidang Sains Tulen dan Gunaan, 2 projek dalam bidang Teknologi dan Kejuruteraan, 1 projek dalam bidang Sains Gunaan, 1 projek dalam Sastera dan Sastera Ikhtisas serta 2 projek dalam *Natural Sciences and National Heritage*.

Geran Penyelidikan Fundamental/FRGS/Dana Inovasi/Small Grant Scheme Yang Diluluskan Sepanjang Tahun 2001-2008

Panel Pakar	Bilangan							
	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Sains Tulen dan Gunaan	15	56	22	36	27	18	19	8
Teknologi dan Kejuruteraan	-	28	9	23	10	5	6	2
Sains Sosial dan Kemanusiaan	3	17	13	21	24	23	9	3
JUMLAH	18	101	44	80	61	46	34	13

Geran Penyelidikan UNIMAS

Dalam usaha untuk memantapkan lagi penyelidikan yang telah sedia ada di UNIMAS, 6 penyelidik telah dianugerahkan geran Dana Khas Inovasi dan 6 penyelidik juga mendapat *Small Grant Scheme*.

Senarai Geran Dana Khas Inovasi

Bil.	Tajuk Penyelidikan	Ketua Projek
1	To Produce an Ear Wax Remover Capable of Safely Removing the Wax from the Ear Canal after Softening	Prof Madya Dr Tiong Thung Sing
2	To Produce a Nasal Irrigator Capable of Cleaning the Nasopharynx and Nasal Cavity	Prof Madya Dr Tiong Thung Sing
3	To Produce a Low Cost Nasopharyngolaryngoscope for Endoscopic Examination of the Pharynx and Larynx	Prof Madya Dr Tiong Thung Sing
